



**LAPORAN PENYATA RASMI  
DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL KEDUA  
MESYUARAT PERTAMA**

<b>Bil. 11</b>	<b>Khamis</b>	<b>9 Mei 2019</b>
----------------	---------------	-------------------

**K A N D U N G A N**

**USUL-USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan	
Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 1)
Penerangan Daripada Menteri Pertahanan Di Bawah P.M 13(1)(i)	
<i>Hasil Siasatan dan Syor Penambahbaikan Tadbir Urus</i>	
<i>Pelaksanaan Projek Penswastaan Secara Kaedah Land Swap</i>	(Halaman 34)

<b>MENGANGKAT SUMPAH SEORANG AHLI BAHARU</b>	(Halaman 2)
--	-------------

<b>PEMSYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA</b>	
Mengalu-alukan Pelantikan Seorang Ahli Baharu	(Halaman 2)

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN</b>	
<b>BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 3)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan)(Pindaan) 2018	(Halaman 41)
--	--------------

**MALAYSIA  
DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL KEDUA  
MESYUARAT PERTAMA**

**Khamis, 9 Mei 2019**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**USUL**

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN  
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**10.04 pg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai semua urusan kerajaan yang tertera dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* pada hari ini, diputuskan dan diluluskan, dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan ke suatu tarikh yang tidak ditetapkan.”

**Tuan Yang di-Pertua:** Siapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Teo Nie Ching]:** Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya walaupun apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai semua urusan kerajaan yang tertera dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* pada hari ini diputuskan dan diluluskan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan ke satu tarikh tidak ditetapkan.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

## **MENGANGKAT SUMPAH SEORANG AHLI BAHARU**

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah Mengangkat Sumpah:

**Lantikan Baharu**

1. Yang Berhormat Senator Dr. Ahmad Azam bin Hamzah

*[Upacara Mengangkat Sumpah tamat]*

### **PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

#### **MENGALU-ALUKAN PELANTIKAN SEBAGAI AHLI DEWAN NEGARA**

**Tuan Yang di-Pertua:** Selamat sejahtera Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah di dalam Dewan yang mulia ini mengalu-alukan pelantikan Yang Berhormat Senator Dr. Ahmad Azam bin Hamzah. Sekarang boleh tepuk... *[Ketawa] [Dewan tepuk]* ...Yang dipilih oleh Dewan Undangan Negeri Sembilan mengikut Perkara 45(1)(a), Perlembagaan Persekutuan.

Adalah menjadi harapan saya agar Yang Berhormat Senator akan mematuhi ikrar taat setia sebagaimana yang dilafazkan tadi terutamanya kepada prinsip-prinsip yang termaktub dalam Rukun Negara yang menekankan antara lain Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-undang serta keperibadian mulia yang menjawai amalan Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen.

Selanjutnya saya juga percaya bahawa dengan pelantikan Yang Berhormat pada pagi ini sebagai ahli badan legislatif tertinggi negara, akan membantu ke arah memperkasakan kebolehan Dewan Negara untuk memainkan peranan semak dan mengimbang.

Saya sering mengingatkan semua Ahli-ahli Yang Berhormat supaya perbahasan haruslah menekan kepada isu-isu berkepentingan rakyat, dan sama sekali mengetepikan fahaman politik berdasarkan parti dengan memastikan perbahasan yang berkualiti yang boleh menyumbang kepada proses pembinaan negara.

Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat akan memainkan peranan yang aktif dalam perbahasan di dalam Dewan yang mulia ini, demi kepentingan masyarakat dan negara dan dalam lingkungan tuntutan ikrar taat setia

Perlembagaan Persekutuan, peraturan-peraturan mesyuarat serta prinsip universal Rukun Negara.

Ahli-ahli Yang Berhormat, demokrasi konsep yang indah dengan syarat ia terbina atas landasan-landasan yang kukuh iaitu tingkah laku yang beradab dan bersopan, pemikiran yang terbuka dan rasional, serta keperibadian yang tinggi dan mulia. Sesungguhnya landasan inilah yang menjawai ketamadunan manusia.

Selain daripada itu, sebagai sebuah institusi perundangan yang berwibawa dan disanjung tinggi di kaca mata masyarakat, Ahli-ahli Yang Berhormat perlulah berusaha gigih ke arah menambahkan ilmu untuk mempertingkatkan lagi mutu perdebatan di Dewan yang mulia ini. Sifat-sifat yang mulia ini sahajalah yang tentu akan memperkasakan imej Parlimen sebagai sebuah institusi perundangan yang berwibawa dan disanjung tinggi di persada antarabangsa.

Akhir sekali, saya mendoakan agar Ahli Yang Berhormat akan terus mendukung visi rakyat ke arah membina sebuah negara yang maju dan progresif dalam semua aspek pembangunan.

**■1010**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Mohan a/l Thangarasu** minta Perdana Menteri menyatakan, apakah status terkini tawaran melalui *Malaysian Indian Blueprint* yang telah menawarkan Amanah Saham bernilai RM1.5 bilion dan diikuti dengan tambahan RM500 juta untuk golongan B40, pinjaman tanpa bunga dalam pembentangan Bajet 2018.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya memulakan jawapan, saya bagi pihak kerajaan ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Senator Dr. Ahmad Azam bin Hamzah yang telah dilantik untuk menjadi seorang Ahli di Dewan yang mulia pada pagi ini... [Tepuk]

Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tersebut. Kerajaan terdahulu telah memperkenalkan dua program kepada masyarakat India di negara ini iaitu:

- (i) Amanah Saham 1Malaysia yang kini dikenali sebagai Amanah Saham Malaysia 3 (ASM3); dan
- (ii) Skim Pelaburan Khas Masyarakat India (SPKMI) B40.

Amanah Saham 1Malaysia yang mana sekarang dikenali sebagai Amanah Saham Malaysia 3- ASM3, telah dibuka untuk langganan bermula pada 29 Januari 2018 dengan peruntukan 1.5 bilion unit untuk meningkatkan ekuiti di kalangan masyarakat India. Unit-unit ini boleh dilanggan oleh individu berbangsa India yang

belum mempunyai akaun ASM3 atau pemegang unit sedia ada yang mempunyai pegangan kurang daripada 30,000 unit dalam ASM3.

Setakat 31 Mac 2019, seramai 107,172 pemegang akaun telah melanggar unit-unit tambahan ASM3 yang ditawarkan dengan unit pelaburan berjumlah 611 juta unit. Jumlah baki unit tambahan ASM3 yang masih ada untuk dilanggar oleh masyarakat India adalah 889 juta unit.

SPKMI B40 diperkenalkan oleh kerajaan terdahulu dan telah dilancarkan pada 7 April 2018 dengan peruntukan khas RM500 juta. Skim ini bertujuan untuk menggalakkan penyertaan golongan berpendapatan rendah menabung dan melabur untuk jangka masa panjang. Melalui skim ini masyarakat India yang berkelayakan akan berpeluang untuk memohon pembiayaan tanpa faedah berjumlah RM5,000 untuk melabur dalam Amanah Saham 1Malaysia yang kini dikenali sebagai Amanah Saham Malaysia 3 (ASM3).

Walau bagaimanapun selaras dengan komitmen kerajaan untuk mengawal perbelanjaan dan mengurangkan bebanan kewangan, Kerajaan Persekutuan, Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 28 September 2018 telah membatalkan status pelaksanaan Skim Pelaburan Khas Masyarakat India (SPKMI) B40.

Justeru itu, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat MITRA telah mengenal pasti mekanisme yang sewajarnya dan terbaik untuk meningkatkan ekuiti dan sosioekonomi masyarakat India dengan memperkenalkan program-program berimpak tinggi seperti memperkasa wanita dan ibu tunggal, menggalakkan pemilikan rumah, program keusahawanan, program pendidikan kumpulan B40, bermula daripada program pra sekolah sehingga program pembangunan kemahiran serta program-program latihan khas dalam bidang, dengan izin, *oil and gas, automatic, mechatronics* dan pembangunan kerjaya yang melibatkan pelbagai bidang ekonomi, teknologi maklumat, perhotelan serta lain-lain. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan soalan tambahan.

**Datuk Mohan a/l Thangarasu:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tanya, apakah inisiatif yang kerajaan ambil untuk memastikan bahawa RM1.5 bilion itu diarahkan kepada masyarakat India? Itu satu ya.

Hari ini dah genap satu tahun sejak Kerajaan Pakatan Harapan menjadi kerajaan. Walaupun manifesto bukanlah kitab suci, saya ingin tahu dalam satu

tahun ini, berapa banyak janji manis telah ditunaikan? Ini saya hendak tahu. Janji-janji yang manis Yang Berhormat.

Di sini Tuan Yang di-Pertua, kerajaan *rebrand* ini memang lah tukar nama daripada “1Malaysia” macam Yang Berhormat Bagan. Apa yang saya suka sekarang ini “SEDIC”. Pasal apa? Sebab “SEDIC” ditukar jadi nama ke “MITRA”. Kenapa? Pasal MITRA itu nama anak saya. Jadi terima kasih lah Yang Berhormat Menteri [Ketawa] Tukar atas nama anak saya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat. Kalau boleh Yang Berhormat Menteri jawablah kerana ini khusus kepada kaum keturunan India tetapi berkenaan dengan manifesto itu terlalu banyak kementerian.

**Datuk Mohan a/l Thangarasu:** Di dalam manifesto itu memang ada Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Berkenaan dengan kaum India?

**Datuk Mohan a/l Thangarasu:** Tuan Yang di-Pertua, ada. Berkenaan dengan masyarakat India. Banyak, macam-macam *promise* yang dibuat.

**Tuan Yang di-Pertua:** You kena khusus kan. Okey, Yang Berhormat Menteri, faham.

**Datuk Mohan a/l Thangarasu:** Macam-macam. Jadi saya hendak tahu yang RM4 bilion pembahagian kepada masyarakat India, apa sudah jadi? Kalau dalam 10 tahun, sudah satu tahun dah. Adakah RM4 bilion itu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingat cukup lah Yang Berhormat.

**Datuk Mohan a/l Thangarasu:** Saya hendak tahu. Saya hendak tahu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Menteri boleh jawab.

**Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa Ahli Yang Berhormat melepaskan geramlah sebab sudah satu tahun kan. Dia tidak berkuasa lah.

Jadi, terima kasih Yang Berhormat. Sebagaimana yang saya nyatakan tadi. Baki langganan daripada RM1.5 bilion tersebut sebanyak 889 juta unit. Jadi, semua masyarakat India boleh terus melanggan untuk mendapatkan unit-unit dengan maksimum sebanyak 30,000 unit seorang dalam ASM3 tersebut.

Jadi, soalan seterusnya Yang Berhormat terlalu panjang. Akan tetapi *to cut a long story- become short*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dalam satu tahun ini, bagi masyarakat India pelbagai inisiatif dan program telah dijalankan.

Pertama sekali, sebelum melakukan proses inisiatif-inisiatif tersebut, setelah mengambil alih kita mendapati bahawa terdapat banyak penyalahgunaan kewangan yang diperuntukkan kepada kaum India sebelum ini.

Jadi, setelah mengambil kira kesemua kesalahan-kesalahan yang lampau, maka MITRA telah- apa yang dikenali sebagai SEDIC telah dijenamakan semula sebagai MITRA. Seterusnya suatu rombakan semula telah dijalankan. Kerajaan kini telah mengambil keputusan untuk mengetatkan segala permohonan-permohonan yang dibuat oleh badan-badan NGO dan swasta lain yang bekerja sebagai rakan strategik kerajaan untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti bagi meningkatkan tahap sosioekonomi masyarakat India di negara ini.

Jadi kita telah memulakan satu *website* yang baharu, bukan sahaja dijenamakan sebagai MITRA nama anak Yang Berhormat tetapi telah juga diadakan satu *website* yang baharu dan terkini ialah juga satu *app* yang terbaru dan kesemua permohonan yang diluluskan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti sosioekonomi masyarakat India akan dipamerkan.

#### ■1020

Semua penerima geran-geran tersebut akan dipamerkan dalam *website* tersebut dengan jumlah penerimaan masing-masing dan juga aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan oleh setiap badan-badan tersebut untuk meningkatkan tahap sosioekonomi masyarakat India. Jadi bukan sahaja itu, kita bagi pihak kerajaan telah menggariskan panduan-panduan tentang sektor-sektor yang ingin kita beri penekanan untuk meningkatkan tahap sosioekonomi masyarakat India terutamanya di sektor:

- (i) pendidikan;
- (ii) ekonomi dan peluang pekerjaan;
- (iii) pembangunan sosial dan kebajikan;
- (iv) keterangkuman dan identiti; dan
- (v) apa yang kami namakan sebagai projek atau pembangunan khas.

Yakni, lima sektor ini Tuan Yang di-Pertua. Sejumlah tertentu buat masa ini telah dianggarkan untuk dipecahkan. Jumlah yang diberikan untuk pembangunan masyarakat India pada tahun lalu adalah sebanyak RM100 juta. Jadi, sejumlah tertentu telah diketepikan kepada setiap lima tahap tersebut untuk pembangunan sosioekonomi masyarakat India. Jadi, dalam masa terdekat saya percaya Yang Berhormat akan melihat sendiri setiap aktiviti yang akan dijalankan. Ini kerana setiap projek dan aktiviti yang dijalankan akan dipamerkan dalam *website* tersebut. Sekian. Terima kasih.

**Datuk Sambanthan a/l Manickam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan mengambil kesempatan ini mengucapkan syabas dan tahniah kepada

Kerajaan Pakatan Harapan dalam mentadbir kerajaan selama setahun ini. Soalan saya, sudah kah setahun Pakatan Harapan mentadbir negara dan juga pemimpin kaum India, adakah dalam tempoh masa ini Kerajaan Pakatan akan menawar lebih banyak pemegang saham kepada kaum India bagi meningkatkan taraf hidup kaum India?

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey. Yang Berhormat soalan itu sudah dijawab. Kita ada lagi 880 juta unit lagi belum diambil. So, soalan tambahan Yang Berhormat?

**Datuk Sambanthan a/l Manickam:** Itu sahaja soalan... [Dewan ketawa]

**Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair:** Soalan pendek. Now, adakah kerajaan bercadang atau berhasrat untuk meningkatkan ekuiti masyarakat India dalam kalangan B40. Itu sahaja. Terima kasih.

**Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tersebut. Sebagaimana yang saya nyatakan tadi, bagi masyarakat India buat masa kini tiada program khusus tetapi sebagaimana saya nyatakan tadi memandangkan kita terpaksa memberhentikan program tersebut dan pada tahun akan datang, pada tahun berikutnya dalam bajet berikutnya bagi tahun 2020 kerajaan akan menimbang balik keputusan tersebut dengan mengambil kira keadaan kewangan masa kini.

Saya akan berbincang dengan Menteri Hal Ehwal Ekonomi untuk memberikan suatu peruntukan khusus bagi masyarakat B40. Akan tetapi selain daripada ekuiti khas ini, segala aktiviti-aktiviti yang dijalankan di bawah MITRA ini akan dapat menambahkan daripada segi *in the layman's term* akan dapat menambahkan ekuiti masyarakat India di negara ini. Umpamanya, antara lain program-program yang dijalankan ialah program untuk meningkatkan tahap kemahiran yakni *skilled training* bagi belia-belia masyarakat India.

Jadi, dengan adanya *skilled training* dan juga dengan peralihan kepada Revolusi Industri 4.0 ini, maka saya percaya belia kaum India yang dilatih dalam *skilled training* dan juga dalam bidang-bidang Revolusi Industri 4.0; robotik dan sebagainya ini akan dapat meningkatkan tahap pendapatan mereka. Jadi dengan peningkatan tahap pendapatan mereka ini, maka saya percaya ekuiti mereka sendiri akan turut bertambah. Sekian. Terima kasih.

**Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada tahun 2018, Yang Berhormat Menteri telah pun mengumumkan di Dewan yang mulia ini bahawa dalam usaha untuk menambah ekuiti masyarakat India dalam ekonomi negara, dana khas bagi pembangunan sosial dan ekonomi

masyarakat India akan diwujudkan dengan peruntukan awal sebanyak RM4 bilion bagi tempoh 10 tahun.

Sumbangan awal akan disalurkan melalui syarikat-syarikat GLC. Akan tetapi, sehingga kini tidak ada sebarang perkembangan mengenai pengumuman tersebut. Saya khuatir jika pengumuman ini dibuat seperti Janji Manifesto PRU yang lepas oleh Kerajaan Pakatan Harapan. Jadi, saya minta Yang Berhormat Menteri memberikan respons mengenai perkara ini tanpa melibatkan MITRA. Sekian. Terima kasih.

**Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tersebut. Saya memang mengakui bahawa pada 10 Disember 2018 yang lalu, saya telah memaklumkan Dewan yang mulia ini, malahan saya telah menjawab secara lisan kepada persoalan Yang Berhormat Datuk Mohan a/l Thangarasu tentang perincian RM4 bilion tersebut.

Sebagaimana yang saya nyatakan pada 10 Disember 2018, saya sekali lagi ingin menyatakan bahawa memang di dalam manifesto Pakatan Harapan terdapat satu komitmen untuk pembangunan sosial dan ekonomi warga India yang akan dibentuk dengan peruntukan sebanyak RM4 bilion untuk 10 tahun yang pertama.

Jadi, memang hasrat murni kerajaan dalam meningkatkan status sosioekonomi masyarakat India ini telah pun terserlah dalam manifesto Pakatan Harapan tersebut dan perkara ini telah pun diperkuuhkan melalui peruntukan dana sebanyak RM100 juta dalam bajet yang telah diumumkan pada tahun lalu. Jadi berdasarkan kepada prestasi dan keupayaan kewangan kerajaan masa kini, untuk makluman Ahli Yang Berhormat kerajaan masih komited. Akan tetapi, jangka masanya adalah selama 10 tahun. Baru genap satu tahun.

Jadi, satu tahun kita telah salurkan sebanyak RM100 juta. Jadi, kita berikan masa kerana dalam iltizam tersebut juga telah jelas dinyatakan bahawa wang sebanyak RM4 bilion tersebut akan disumbangkan bukan sahaja oleh kerajaan, malah oleh badan-badan swasta dan juga syarikat-syarikat GLC yang lain.

Jadi pada tahap ini, kita sedang berbincang dengan pihak-pihak tertentu iaitu syarikat-syarikat GLC dan juga swasta yang lain untuk membantu kerajaan memandangkan kerajaan memang memerlukan dana. Di mana RM4 bilion ini bukan daripada kerajaan sepenuhnya. Jadi masih dalam tahap perbincangan untuk mendapatkan dana daripada pihak-pihak tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, yang RM100 juta itu termasuk MITRA?

**Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy:** Termasuk.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang MITRA lah?

**Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy:** Ya, yang telah pun disalurkan kepada unit tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, tiada menyalah guna kewangan tersebut kepada kerajaan yang dahulu. Adakah kementerian akan mengambil atau disabit kesalahan dan sebagainya? Orang-orang yang telah menyalahgunakan kuasa dan dana.

**Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy:** Buat masa ini Tuan Yang di-Pertua, pihak Audit telah menjalankan Audit, dan masih dalam proses...  
[Disampuk]

**Tuan Yang di-Pertua:** So akan disabitkan?

**Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy:** ...Meng-complete-kan. Jadi setelah laporan tersebut dipaparkan kepada umum yakni *made public*, maka saya percaya tindakan itu akan diambil...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebelum dipaparkan, Yang Berhormat Menteri telah membuat kesimpulan- telah disalahgunakan?

**Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy:** Sebab terdapat *initial report*. Kita telah pun- *we were briefed*, dengan izin, tentang *initial report* dan memang terdapatlah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy:** Terima kasih.

**2. Puan Hajah Sabani binti Mat** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, menurut Manifesto Kerajaan Pakatan Harapan iaitu mahu mewujudkan satu juta peluang pekerjaan. Bagi tujuan tersebut apakah langkah-langkah yang dilakukan bagi merealisasikan pencapaian ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri yang telah bertanya untuk menaikkan soalan.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Mahfuz bin Haji Omar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengalu-alukan kedatangan Persatuan Kebajikan dan Sosial Kaum India Kota Raja ke Dewan Negara... [Tepuk] Moga lawatan ini akan memberikan manfaat kepada tetamu yang hadir pada hari ini.

**■1030**

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan pada data yang ada yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, kita melihat bahawa dalam suku kedua pada tahun 2018, jumlah tenaga kerja di Malaysia ialah 14,767.2 juta orang.

Namun begitu, bermula sejak daripada Julai hingga Februari 2019 ataupun sehingga Februari 2019, kita telah pun ada peningkatan sebanyak jumlah yang terkini ialah 15.03 juta ataupun dalam tempoh lapan bulan ada pertambahan jumlah tenaga kerja kita sebanyak 270,000. Ini bermakna bahawa daripada Julai 2018 sehingga Februari 2019, sebanyak 270,000 peluang pekerjaan itu telah pun dapat disediakan oleh kerajaan pada hari ini.

Iikut unjuran ataupun jangkaan dalam RMKe-11, tahun 2020 kita akan mencecah sebanyak 15.347 juta orang dan ini menunjukkan peningkatan sebanyak 580,000 orang atau pun anggarannya 240,000 setahun. Ini bermakna bahawa kita sudah capai- kalau unjuran 240,000 setahun itu, kita telah pun melepassi hanya tempoh dalam lapan bulan sahaja sebanyak 270,000.

Kerajaan penuh yakin bahawa untuk tempoh lima tahun bagi mewujudkan peluang pekerjaan baharu ini sebanyak satu juta itu, kita penuh yakin bahawa kita dapat hanya dengan anggaran kalau 200,000 setahun kita berjaya mewujudkan peluang pekerjaan, maka sudah tentu dalam tempoh lima tahun kita akan capai satu juta. Akan tetapi sekarang ini dalam tempoh lapan bulan, kita telah pun berjaya mewujudkan peluang pekerjaan sebanyak 270,000 orang.

Namun begitu, cabaran kepada kerajaan pada hari ini ialah untuk penyediaan satu juta pekerjaan yang punya kualiti dan berkemahiran yang boleh mampu menggaji dengan gaji yang lebih tinggi, bukan berdasar kepada gaji yang terlalu mana yang tidak sepadan dengan tahap kelayakan yang ada pada masyarakat kita khususnya warganegara. Ini yang harus kita lihat. Kalau tidak, nanti bermakna peluang-peluang pekerjaan itu akan diisi oleh rakyat asing.

Oleh sebab itu, kita mengharapkan bahawa- dan kerajaan sentiasa membuat galakan ke arah untuk memastikan FDI kita ataupun DDI kita, *domestic direct investment* kita juga menyumbang ke arah penghasilan *high value job* ataupun *knowledge workers* yang bertepatan dengan kelayakan kemahiran yang ada kepada masyarakat Malaysia khususnya kepada anak-anak Malaysia ini.

Jadi sebab itu, kita akan menggalakkan latihan-latihan bersifat *internship* di kalangan majikan bagi membolehkan lebih ramai pencari kerja tempatan diserapkan dalam pekerjaan melalui program SLDN dan juga menambah nilai kerja-kerja melalui inovasi dan kreativiti dengan memperbanyakkan elemen

automasi yang berteknologi tinggi bagi meningkatkan lagi peluang pekerjaan berkemahiran tinggi untuk pencari kerja berkemahiran.

Ini juga kita akan galakkan melalui program-program yang berkaitan dengan latihan teknikal vokasional (TVET) bagi memastikan supaya lebih banyak pengeluaran tenaga-tenaga mahir di dalam negara kita untuk memenuhi pasaran pekerjaan itu, *insya-Allah*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan soalan tambahan Yang Berhormat.

**Puan Hajah Sabani binti Mat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan yang diberi.

Cumanya, saya hendak tanya sedikit sahaja. Sepertimana yang kita tahu, dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu nampak macam seolah-olah tidak ada hala tuju, di samping kita nampak kejatuhan pasaran saham khususnya di bursa saham, pelabur banyak yang lari dan juga yang hendak datang itu kita belum pasti lagi. Kita dapat sekarang ada pemberhentian pekerja, penangguhan dan pembatalan projek-projek yang telah dirancang sebelumnya dan kita juga dapat ada juga GLC yang rugi. Bila rugi, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa mereka akan memperkecilkan saiz.

Jadi berdasarkan situasi ini, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah kerajaan betul-betul yakin kita akan dapat memenuhi hasrat satu juta walaupun kita tengok tadi Yang Berhormat Menteri kata memang anggaran kita dapat?

Yang kedua, saya juga berharaplah supaya- dan berterima kasih kepada hasrat kerajaan untuk memperbanyakkan peluang-peluang pekerjaan khususnya kepada rakyat tempatan dan kita cuba merendahkan seberapa banyak yang boleh untuk penggunaan ataupun kepada pekerja-pekerja asing. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat Puan Hajah Sabani binti Mat yang mengemukakan soalan tambahan.

Pertama, saya hendak sebut bahawa kita penuh yakin bahawa dengan unjuran yang kita ada sekarang ini, dengan pencapaian yang kita ada sekarang, itu sudah pun mengambil kira tentang pemberhentian pekerja-pekerja yang telah disebut oleh Yang Berhormat tadi itu. Itu mengambil kira pekerja-pekerja yang diberhentikan sama ada diberhentikan melalui skim biasa ataupun VSS termasuk *Utusan Malaysia*.

Semalam pun *union Utusan Malaysia* datang bertemu dengan saya dan juga Yang Berhormat Menteri mengadu lagi masalah mereka masih lagi tidak selesai sehingga berlaku sekarang ini pembayaran gaji yang lewat walaupun saham *Utusan Malaysia* yang dahulunya dimiliki oleh kepentingan politik UMNO itu sudah pun diambil alih oleh Pengerusi Syarikat Utusan Malaysia sendiri iaitu-apa nama saya tak hendak sebutlah, kawan saya juga. Akan tetapi, memang berhadapan dengan masalah. Saya pun akan panggil pihak pengurusan *Utusan Malaysia* untuk mengatasi masalah pekerja.

Kita sentiasa mengambil langkah untuk memberikan jaminan perlindungan kepada golongan-golongan pekerja yang diberhentikan ataupun yang mengambil pemberhentian secara sukarela ini kerana kita hendak memastikan supaya jaminan untuk kehidupan masa depan itu sentiasa terjamin.

Jadi, kita tidak bimbang dengan isu-isu pemberhentian pekerja ini kerana kita mempunyai skim-skim tertentu untuk memberikan perlindungan kepada mereka termasuk melalui PERKESO iaitu skim insurans pekerjaan (SIP) yang sentiasa memberikan jaminan perlindungan kepada mereka dan kita memberi peluang untuk mereka itu mendapat peluang pekerjaan di tempat yang lain dan kita akan berusaha sedaya-upaya, *insya-Allah*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Puan Raj Munni binti Sabu:** Tuan Yang di-Pertua

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat daripada Melaka. Silakan.

**Dato' Zahari bin Sarip:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Johor, Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Nuning Jeluing:** Dia atau saya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Dato' Zahari.

**Dato' Zahari bin Sarip:** Johor.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ha, Johor. Sorry. Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Zahari bin Sarip:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas penjelasan dan kita ucap tahniah kepada kerajaan kerana telah menyediakan ataupun telah mempunyai kerangka bahawa dalam tempoh lima tahun akan memberikan peluang pekerjaan sebanyak satu juta kepada rakyat negara.

Statistik dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi bahawa 200,000 peluang pekerjaan telah pun ditawarkan. Sebanyak 270,000 telah pun ditawarkan dalam tempoh setahun ini.

Saya cuma minta penjelasan Yang Berhormat Menteri, berapa pula statistik jumlah pegawai ataupun kakitangan yang telah diberhentikan? Statistik selama

setahun ini. Mengambil kira jumlah yang diberhentikan dan jumlah yang diberi tawaran 270,000 itu, berapakah baki- maksudnya kalau 270,000 peluang pekerjaan baharu, katalah contoh 1,000 orang telah diberhentikan, maksudnya sudah tinggal 269,000 misalnya. Jadi, berapakah perbandingan antara yang diberi tawaran dan juga diberhentikan? Terima kasih.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Terima kasih kepada Yang Berhormat. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, berdasarkan kepada statistik portal *JobsMalaysia* Jabatan Tenaga Kerja pada tahun 2018, seramai- oh, maaf. Okey.

#### ■1040

Berdasarkan kepada notifikasi yang diterima oleh kementerian, bilangan pekerja yang diberhentikan di sektor swasta tahun 2018 adalah seramai 23,168 orang pekerja yang melibatkan 17,236 orang ataupun 74.4 peratus pemberhentian biasa dan 5,932 orang ataupun 25.6 percent pemberhentian sukarela iaitu VSS.

Trend pemberhentian pekerja mengikut sektor menunjukkan pemberhentian pekerja tertinggi berlaku dalam sektor pembuatan bagi tahun 2018 iaitu sebanyak 11,254 orang iaitu 48.58 percent pekerja terlibat, diikuti dengan sektor maklumat dan komunikasi iaitu sebanyak 1,997 orang iaitu 8.62 percent pekerja terlibat. Manakala sektor perdagangan borong dan runcit, pumbaikan kenderaan bermotor dan motosikal sebanyak 1,425 orang ataupun 6.15 percent.

Jadi jumlahnya sepanjang tahun 2018 ialah 23,168 orang dan Yang Berhormat boleh kira sendirilah. Dalam tempoh lapan bulan, kita berjaya mewujudkan peluang pekerjaan sebanyak 270,000 orang. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tadi angka Yang Berhormat Timbalan Menteri itu keseluruhan itu berapa? Keseluruhan VSS dengan semua. Jumlah 23,000? Okey, okey.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Jumlah 23,000 itu keseluruhan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, okey. Terima kasih.

**Datuk Razali bin Idris:** Tuan Yang di-Pertua.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:**  
[Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Razali.

**Datuk Razali bin Idris:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Masalah pengangguran ini sebenarnya agak ketara. Kita faham pada hari ini dan dia juga melibatkan lepasan universiti sama ada dalam negara ataupun luar negara.

Contohnya di Terengganu Yang Berhormat, di Terengganu dapatkan daripada *JobStreet, JobsMalaysia* mencatat sebanyak 4.3 peratus penganggur dan tertinggi di dalam negara kita. Kita tidak tahu apa yang kerajaan negeri lakukan sedangkan Kerajaan Pusat sudah bagi royalti minyak sebanyak RM1 bilion.

Akan tetapi masih lagi kita di kedudukan yang tertinggi dan semalam Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu mengumumkan 50 GLC ditutup. Pandai sangatlah itu. 50 GLC ditutup.

Jadi daripada 50 ini kita tidak tahu berapa pekerja yang hilang pekerjaan masing-masing. Jadi saya- soalan saya, apakah tindakan kerajaan kepada syarikat-syarikat yang memberhentikan pekerja? Semasa dia untung, dia tak bagi banyak wang kepada pekerja. Akan tetapi dia rugi sedikit setahun dengan alasan Kerajaan Pakatan Harapan, tutup *company* buang pekerja. Jadi apa tindakan Kerajaan Pakatan Harapan sekarang? Yang pertama.

Kedua, apakah kerajaan tidak boleh mensyaratkan pengambilan pekerja tempatan lebih besar peratusannya seperti syarikat besar, syarikat multinasional. Kalau di Terengganu macam PETRONAS, Esso dan syarikat cari gali-cari gali yang lain. Saya rasa daripada dulu lagi kerajaan tidak pernah mensyaratkan supaya anak tempatan diberi peluang kepada peluang-peluang kerja yang bukan buruh, yang *high level*. Kita memang - lambakan terlampau banyak, *engineer-engineer* yang cerdik pandai di Terengganu ini sangat besar, sangat banyak Tuan Yang di-Pertua.

Akan tetapi tak ada, tak pernah ada syarat. Jadi, apakah langkah kerajaan sekarang? Apakah kita tak boleh mensyaratkan supaya pekerja tempatan yang berkualiti diutamakan, diberi peratusan yang lebih. Kalau dulu boleh dikatakan anak tempatan tidak tahu hendak buat kerja *oil and gas* tetapi sekarang sudah ramai, sudah ramai pun yang menganggur. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Baik. Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Razali yang memberikan pandangan. Saya pun terkejut 50 GLC Terengganu diarah tutup, besar itu. Pasal apa *pi* tutup pula, buka habis lah. Hendak bagi tahu orang Terengganu, Dato' Haji Husain macam mana Yang Berhormat, 50 ini, banyak ini Terengganu ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak Yang Berhormat Terengganu jawab? [Ketawa]

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Taklah fasal Yang Berhormat Dato' Haji Husain dia kawan baik saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Saya pun terkejut 50 GLC, dapat berapa bilion royalti- RM1 bilion? RM1 bilion lebih, tutup 50 GLC. Ini tak tahu berapa ramai pekerja yang terpaksa diberhentikan dan jika ada pekerja yang diberhentikan ataupun kehilangan pekerjaan, sememangnya perlindungan undang-undang kepada pekerja tempatan sekiranya syarikat memberhentikan atau pun mengurangkan jumlah pekerjaan.

Jadi pertama sekali majikan terlebih dahulu apabila dia hendak mengurangkan pekerja atau memberhentikan pekerja hendaklah memberikan tempoh notis ataupun membayar gaji ganti notis yang mencukupi kepada pekerja mereka mengikut kontrak perkhidmatan. Akan tetapi tidak boleh kurang daripada yang ditetapkan di bawah seksyen 12(2) Akta Kerja 1955.

Majikan juga diwajibkan membayar faedah pemberhentian kerja mengikut kontrak perkhidmatan tetapi tidak boleh kurang daripada kadar yang telah ditetapkan di dalam Peraturan Kerja (Faedah Penamatan dan Renti Kerja Sentara) 1980 iaitu 10 hari gaji bagi setiap tahun penggajian sekiranya telah bekerja dalam tempoh kurang daripada dua tahun, 15 hari gaji bagi setiap tahun penggajian sekiranya telah bekerja dalam tempoh dua tahun hingga kurang lima tahun, 20 hari gaji bagi setiap tahun penggajian sekiranya telah bekerja dalam tempoh lima tahun atau ke atas atau lebihlah.

Itu maknanya beberapa syarat-syarat bila dia hendak mengurangkan pekerjaan dan termasuklah bila dia hendak tutup syarikat, sudah tentu akan membabitkan pemberhentian pekerja.

Jadi dia kena ada memenuhi syarat-syarat yang tertentu dan macam saya sebutkan tadi bahawa kita sentiasa memberikan perlindungan kepada golongan pekerja melalui skim-skim tertentu yang terdapat di dalam PERKESO. Ini jaminan yang diberikan oleh kerajaan. Cuma saya tidak tahu apa pula jaminan daripada kerajaan negeri khususnya Terengganu dengan penutupan 50 GLC sama ada GLC ini GLC yang aktif sebelum ini ataupun tidak yang mempunyai pekerja ataupun GLC yang sememangnya sudah tidak aktif sebelum daripada itu.

Akan tetapi agak menghairankan juga bila 50 GLC telah pun ditutup. Adakah ini memenuhi manifesto negeri Terengganu untuk tutup 50 GLC? Saya tak tahu sama ada dalam manifesto ataupun tidak. Kalau ada dalam manifesto maknanya saya ucap tahniah lah tercapai lah matlamat untuk tutup 50 GLC.

Kemudian, apa tindakan kerajaan untuk mensyaratkan kepada pengambilan warga tempatan. Sememangnya Tuan Yang di-Pertua, bahawa setiap kekosongan itu mesti didahului kepada pekerja-pekerja tempatan. Hendak pemberhentian dan pengurangan pekerja pun mesti mendahului pekerja asing. Kalau pekerja yang hendak diberhentikan itu ialah pekerja yang sama *level*, kemudian mesti dahului pekerja asing untuk capai kalau dia hendak berhentikan kata sekian-sekian banyak dia kena dahului jumlah pekerja asing itu diberhentikan.

Barulah boleh yang *last* sekali memberhentikan pekerja tempatan. Akan tetapi pengambilan syaratnya sememangnya kena pekerja tempatan. Mesti diiklankan dalam *JobsMalaysia* dan sebagainya. Kemudian kalau tanpa ada permohonan daripada pekerja tempatan baru lah diizinkan oleh jabatan dan juga KDN untuk pengambilan pekerja asing.

**Datuk Razali bin Idris:** Berapa peratus disyaratkan?

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Tak, tak ada peratus apa. Memang keutamaan mesti diambil kepada pekerja-pekerja tempatan seperti yang saya sebutkan tadi. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Secara ringkas Yang Berhormat Tan Sri.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Terima kasih banyak terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi jawapan yang agak baik.

Saya hanya hendak menyambung sedikit dengan sahabat saya Yang Berhormat Datuk Razali masalah pekerja-pekerja tempatan dan pengangguran terutamanya di kalangan *graduates* pada hari ini yang sebenarnya Yang Berhormat Menteri kita amat bimbang.

Walaupun saya percaya kerajaan akan mencuba sedaya upaya untuk memperbaiki masalah ini, tetapi saya rasa pihak kerajaan pada hari ini Kerajaan Pakatan Harapan mesti mempunyai strategi dari segi pemantauan. Polisinya cantik, kerangkanya cantik, saya percaya kerajaan ingin membantu rakyat tetapi

pemantauan pada hari ini jika kita tidak pantau akan menimbulkan cukup banyak masalah kepada rakyat.

Persoalan saya, apakah kerajaan benar-benar memikirkan ataupun yakin bahawa pengangguran pada hari ini telah bertambah baik. Kedua, apakah kerajaan memantau dari segi pengambilan pekerja-pekerja, bukan sahaja di jabatan-jabatan kerajaan tetapi di GLC dan juga seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Datuk Razali tadi di firma-firma luar yang menjalankan projek-projek mega.

**■1050**

Saya ingin memberi contoh, contohnya kita telah dapat mewujudkan, berjaya mendapatkan projek daripada China di dalam jumlah yang cukup besar. Laporan yang saya terima Tuan Yang di-Pertua, amat menyedihkan saya ya, projek-projek ini juga dapat di-sub-kan kepada kontraktor bumiputera. Kita faham. Saya hendak kerajaan pantau, betul kah kontraktor bumiputera ini pula bagi balik kepada China.

Ini saya hendak *check* sebab apabila graduan Melayu memohon ke tempat tersebut, saya diberitahu ditolak kerana *requirement* untuk mendapatkan pekerjaan di *mega project* ini ialah kebolehan berbahasa Mandarin. Ini bukan rakyat *local* ya, ini bukan *company local*, ini daripada China.

Ini saya rasa bimbang kerana kita banyak projek daripada China, sudah pasti mereka akan memberi *priority* kepada orang yang berbahasa Mandarin. Ini kita tidak mahu cakap, satu *research* telah dibuat bahawa banyak juga *private sector* di Malaysia ini yang menganaktirikan pemohon-pemohon daripada bumiputera. Ini telah pun dibuktikan melalui *research* yang dibuat oleh pensyarah-pensyarah di universiti. Itu dari segi *company* luar negara...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator...

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:**  
...Dalam negara pun, ini satu perkara yang serius.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator, saya faham. Kalau panjang sangat, Timbalan Menteri tidak dapat jawab.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:**  
Okey, pendek sikit lagi. Sikit sahaja lagi. Ini yang dalam pula. Satu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingat Timbalan Menteri faham Yang Berhormat Senator.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:**  
...*Private hospital*/di Sungai Petani meletakkan syarat pemohon-pemohon mestilah

berbangsa Cina, India, Siam dan Kristian. Apa ini? Siam dan Kristian pun masuk. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri tolonglah pantau, tolonglah kami orang bumiputera.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia akan jawab, dia akan jawab.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:**  
Tolong pantau sikit. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah, semangat.

Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Suhaimi sahaja yang senyap hari ini. Mana pula, tengok Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah dengan semangat hari ini. Patut Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Suhaimi pun kena lantang. Bulan puasa, bulan puasa. Tidak makan soq semalam kah? [Ketawa]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, itu jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri kah? [Ketawa]

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Tidak, hari terakhir ini Tuan Yang di-Pertua. Hari terakhir ini, kita...

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** ...Ceria. Baik, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tan Sri. Saya begini, kerajaan sentiasa memantau. Oleh sebab itu kalau lihat dalam projek ECRL ya, kita terpaksa runding semula. Kalau hendak batal, memang kalau boleh kerajaan sepatutnya memang berhasrat untuk hendak batal. Akan tetapi oleh sebab perjanjian yang telah pun dibuat sebelum itu mengikat kita. Mahu tidak mahu, akhirnya terpaksa terus.

Akan tetapi proses runding semula itu dibuat untuk memastikan supaya kepentingan negara kita itu lebih diutamakan. Ini telah pun berjaya sepertimana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad bahawa kita telah berjaya untuk memperbaiki kembali perjanjian-perjanjian yang telah sedia ada dan dipersetujui oleh kedua belah pihak.

Umpamanya, peluang-peluang kepada syarikat tempatan untuk terlibat sama, itu berjaya ditingkatkan. Peluang-peluang pekerja tempatan lebih banyak daripada perjanjian yang sebelum itu, kurang. Kalau bolehnya semua mereka hendak bawa daripada China. Ini yang telah berjaya dibuat oleh Kerajaan Pakatan Harapan berbanding dengan syarat-syarat perjanjian yang dipersetujui oleh

kerajaan yang sebelum daripada ini. Jadi, ini maknanya usaha yang dilakukan oleh pihak kerajaan yang ada pada hari ini.

Saya percaya bahawa dengan usaha-usaha ini dilakukan, kita percaya bahawa pemantauan sentiasa kita buat, macam saya sebut kepada Yang Berhormat Senator Datuk Razali tadi. Kita sentiasa membuat pemantauan, maknanya kita pantau. Mana yang tidak betul yang dibuat oleh kerajaan dahulu seperti dalam projek ECRL itu dengan syarikat daripada China, kita akan cuba untuk mengatasi masalah ini dan kita berjaya. Ini *proof*, bukti menunjukkan bahawa keprihatinan, keutamaan kerajaan kepada warganegara Malaysia, *insya-Allah*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak jawab soalan. Soalan adalah berkenaan bahawa adakah keutamaan dibagi kepada pekerja-pekerja yang boleh bertutur dalam bahasa Mandarin dalam projek ECRL.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Dia Tuan Yang di-Pertua, bila diberikan keutamaan kepada pekerja tempatan, maka sudah tentulah bahawa dia harus memenuhi keperluan-keperluan yang ada kepada...

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu adalah satu tafsiran yang salah.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Ya, itu tafsiran yang berbagai-bagai. Kita tidak tahu lagi, maknanya selepas daripada ini, akan ada lagi perjanjian-perjanjian yang akan memastikan supaya pengambilan pekerja tempatan. Pekerja tempatan kalau dia boleh Mandarin, dia boleh berbahasa Inggeris, maka sudah tentulah bahawa dia akan diberikan keutamaan yang lebih sebab berkomunikasi dengan syarikat daripada luar.

Ini bermakna bahawa keperluan yang boleh diberikan kepada semua orang sama ada bumiputera ataupun bukan bumiputera. Apa yang penting kepada saya, apabila pengambilan itu nanti paling kurangnya ialah kebolehan dia dalam bertutur, perhubungan komunikasi dalam bahasa Inggeris yang saya percaya ada kepada semua orang, *insya-Allah*.

**Tuan Yang di-Pertua:** *[Ketawa]* Terima kasihlah Yang Berhormat Timbalan Menteri. Bersungguh-sungguh untuk menjawab. Silakan. Hendak pukul 11 pagi ini, kita baru nombor 3 hari ini.

**Beberapa Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini fasal Yang Berhormat Timbalan Menteri minta naik soalan ini. Ini lagi satu Timbalan Menteri Pendidikan pun naik soalan.

Silakan Yang Berhormat Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya beri keutamaan kepada kementerian-kementerian yang pandai jawab dan selalu hadir ke Dewan yang mulia ini [*Ketawa*]

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** [*Ketawa*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil kesempatan ini juga untuk mengalu-alukan pelajar-pelajar dari UiTM Kelantan... [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merekodkan yang Tuan Yang di-Pertua selalu katakan bahawa kita telah berjaya mendidik masyarakat, pemimpin Malaysia. Sekarang ini kita sudah setahun membuat perubahan kerajaan dengan aman. Tahniah kepada pemimpin-pemimpin Malaysia. Satu pendidikan yang baik untuk rujukan dunia.

3. **Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff** minta Menteri Pendidikan menyatakan, cadangan untuk menggalakkan penggunaan dana wakaf (*endowment*) digunakan untuk penubuhan ‘Kursi’, *Fellowship* dan lain-lain di institusi pengajian tinggi Malaysia.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Teo Nie Ching]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pohon maaf bagi Yang Berhormat Menteri kerana dia MC hari ini, jadi saya wakil untuk memberi jawapan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, dana wakaf di universiti awam (UA) secara umumnya digunakan bagi tujuan untuk memberikan bantuan kewangan kepada pelajar dalam bentuk biasiswa, bantuan perubatan kepada pelajar dan staf, pembiayaan aktiviti akademik seperti penyelidikan, pembangunan infrastruktur seperti kolej kediaman dan makmal serta pembelian peralatan pengajaran dan pembelajaran bagi kemudahan pelajar.

Mengenai cadangan bagi menggalakkan penggunaan dana wakaf untuk penubuhan Kursi- *Chair*, *Fellowship* dengan izin, dan lain-lain di institusi pendidikan tinggi Malaysia boleh diperluaskan dan tertakluk kepada terma-terma yang dipersetujui oleh ahli-ahli jawatankuasa dana wakaf universiti yang turut dianggotai oleh wakil Majlis Agama Islam Negeri sebagai pemegang amanah tunggal wakaf.

Tumpuan utama UA pada masa sekarang adalah bagi mempergiat aktiviti promosi dengan tujuan untuk meningkatkan dana wakaf dan *endowment*. Pihak

UA disarankan untuk memperbaikan promosi wakaf dan *endowment* dalam kalangan alumni dan masyarakat.

Ini sebagai langkah permulaan penglibatan masyarakat dalam menyumbang bagi memartabatkan bidang ilmu seperti yang telah diguna pakai oleh Universiti Al-Azhar dan *University of Oxford*, dengan izin.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, sehingga kini, terdapat 73 Kursi di IPTA iaitu 59 Kursi yang aktif dan 14 Kursi yang tidak aktif kerana tiada penyandang, telah tamat tempoh dan calon belum dikenal pasti. Kesemua Kursi ini tidak menggunakan dana wakaf.

Dalam memastikan kelestarian penubuhan Kursi ini, elemen kewangan merupakan elemen yang perlu diberi perhatian. Pelaksanaan Kursi akademik ini kebiasaannya bergantung kepada sumbangan antara dua pihak, Kerajaan Malaysia dan kerajaan atau universiti *host*. Sehubungan dengan itu, penyertaan daripada pihak swasta, persendirian dan syarikat berkaitan syarikat GLC sangat digalakkan untuk menyumbang bagi membiayai kos operasi Kursi akademik ini dalam bentuk wakaf atau *endowment*. Sekian jawapan saya, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Sedikit sahaja penjelasan. Yang Berhormat Timbalan Menteri, apabila Akta Pentadbiran setiap negeri dipinda dan diberi hak untuk mengurus harta wakaf ini kepada Majlis Agama Islam Negeri, contoh di Pulau Pinang, Majlis Agama Islam Pulau Pinang. Begitu pun, kita melihat dari segi aspek menguruskan harta wakaf itu bagi saya agak kurang membanggakan. Ini pada pandangan saya.

#### ■1100

Jadi, saya ingin menanya Menteri, sejauh mana Menteri melihat potensi dana wakaf ini yang memang terbukti di dalam sejarah pendidikan dunia, Universiti Al-Azhar, penubuhan institusi lama memang menggunakan dana wakaf. Cuma di Malaysia ini saya melihat perkara tersebut tidak diberi perhatian walaupun punyai sejarah yang sangat baik.

Jadi, soalan saya kepada Menteri, sejauh mana Kementerian Pendidikan bekerja sama dengan Majlis Agama Islam Negeri dan mahupun agensi yang baru yang dibuat di bawah Jabatan Perdana Menteri yang menguruskan hal ehwal wakaf ini untuk tujuan pendidikan?

Ini kerana saya melihat contohnya di ISTAC, Universiti Islam dan sebagainya banyak potensi-potensi untuk kita wujudkan kerusi-kerusi sebegini.

Macam di Amerika Syarikat, ada nama-nama tertentu, *fellowship* itu, nama *Draper Hills*, nama ia macam-macam. Itu disebabkan oleh individu-individu yang mahu harta mereka digunakan untuk tujuan pendidikan. Saya rasa perkara tersebut di Malaysia perlu digalakkan kerana ramai orang kaya raya yang mungkin mahu harta mereka digunakan untuk tujuan pendidikan. Mohon penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Puan Teo Nie Ching:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan tersebut. Setakat Disember 2018, di antara 20 UA, 16 telah mewujudkan dana wakaf dan ada empat lagi yang belum dapat kelulusan daripada Majlis Agama Islam Negeri.

Jadi, untuk 14 itu memang kelulusan telah diperoleh dan mereka sudah mula untuk mendapat dana wakaf. Setakat ini, untuk universiti-universiti yang dapat kutipan wakaf, mereka telah berjaya untuk mengutip RM29.1 juta. Pada masa yang sama, untuk 20 universiti yang setakat ini sudah mempunyai tabung *endowment* dan telah mendapat kutipan sebanyak RM1.75 bilion, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, untuk universiti-universiti bekerjasama dengan tokoh-tokoh kaya ini untuk wujudkan Kerusi, saya rasa ini memang terpulang kepada universiti kerana ini adalah dua kebebasan autonomi kepada mereka.

Satu, autonomi kewangan, jadi bagaimana mereka hendak cari sumber.

Kedua kebebasan akademik, di mana mereka diberi mandat, mereka diberi autonomi untuk menentukan mana satu kerusi, apa jenis kerusi mereka hendak wujudkan.

Saya hendak beri beberapa contoh, sebenarnya kita juga mempunyai beberapa Kerusi yang telah diwujudkan di UM seperti kita ada Kerusi Tunku Abdul Rahman yang ditaja oleh Yayasan Tunku Abdul Rahman yang mereka diberi sumbangan sebanyak RM1 juta secara *one-off*.

Selepas itu, kita juga ada Kerusi Tun Dr. Siti Hasmah binti Haji Mohamad Ali, di mana itu ditaja oleh Persatuan Siswazah Wanita Malaysia, juga mendapat sumbangan *one-off* sebanyak RM1 juta dan banyak lagi. Jadi, ini terpulang balik kepada usaha universiti dan apabila mereka perlu bantuan daripada pihak KPM, kami akan sentiasa membantu mereka.

Akan tetapi dari segi *endowment* dan juga wakaf, kita memang memberi autonomi kepada mereka dan mereka digalakkan untuk guna dana ataupun sumbangan dan wakaf atau *endowment* ini secara bijaksana untuk pelbagai tujuan

yang seperti saya sebut dalam jawapan induk saya. Sekian jawapan saya, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, yang peruntukan itu diberi pada tahun berapa, bila?

**Puan Teo Nie Ching:** Ini secara *one-off* jadi untuk Kerusi Tunku Abdul Rahman, ia diberi pada tahun 1983. Jadi, ia secara *one-off*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tahun 83?

**Puan Teo Nie Ching:** Ya, jadi ada lagi seperti Kerusi Tun Dr. Siti Hasmah binti Haji Mohamad Ali yang diberi pada tahun 1999. Jadi, ini memang sudah ada *example* atau contoh yang kita boleh contohi kalau kita hendak memperbanyakkan lagi di universiti-universiti awam yang lain.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, silakan Yang Berhormat.

**Tuan Aknan a/l Ehtook:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jika Yang Berhormat Timbalan Menteri ada maklumat mungkin boleh kongsi dengan kami dan juga rakyat Malaysia keseluruhannya. Apakah syarat yang ditetapkan untuk membiayai satu-satu Kerusi? Adakah pembiayaan bertahun, apa jua syarat yang ditetapkan? Tolong kongsi bersama kami. Terima kasih.

**Puan Teo Nie Ching:** Sebenarnya tidak ada banyak, kita tidak tetapkan syarat. Ini terpulang kepada pihak yang memberi sumbangan dan juga universiti. Maksudnya, apabila seseorang hendak memberi sumbangan dalam bentuk *endowment* ataupun wakaf, mereka boleh tetapkan syarat. Maksudnya, mereka boleh tetapkan syarat bahawa sumbangan ini khasnya untuk penubuhan kerusi, boleh buat sedemikian. Kalau tidak ada ditetapkan apa-apa syarat, jadi terpulang kepada universiti untuk membuat keputusan sama ada dana itu diguna pakai untuk kebajikan pelajar-pelajar ataupun untuk kemudahan infrastruktur.

Jadi, kalau seseorang tokoh kaya seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator tadi, bahawa seseorang tokoh-tokoh kaya yang berhasrat untuk wujudkan satu Kerusi atas nama dia, dan atas apa-apa tujuan, itu memang boleh dilaksanakan.

Seperti di UNIMAS, Kerajaan Negeri Sarawak telah wujudkan satu Kerusi P. Ramlee. Jadi, kerajaan yang akan memberi sumbangan yang untuk wujudkan satu Kerusi untuk satu tujuan penyelidikan yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

Jadi, daripada segi KPM kita memang tidak tentukan apa-apa syarat. Akan tetapi untuk wakaf memang mereka perlu dapat taraf *mutaawalli* daripada Majlis Agama Islam Negeri. Itu sahaja. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Silakan Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah.

4. **Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah** minta Menteri Pertahanan menyatakan bahawa dari kaca mata Menteri, berjaya atau tidak LIMA di Langkawi pada 2019 dan berapakah jumlah pelaburan yang telah ditandatangani.

**Timbalan Menteri Pertahanan [Tuan Liew Chin Tong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah. Selamat Malaysia baharu. Soalan ini saya telah jawab sekali di Dewan ini dan juga sekali di Dewan Rakyat. So, saya akan jawab hanya fakta-fakta yang belum disembah di sini, fakta-fakta yang sudah dijawab saya tidak akan ulangi.

*Langkawi International Maritime and Aerospace Exhibition 2019 (LIMA'19)* telah melabuhkan tirainya pada 30 Mac 2019 yang lalu dan telah mencatat kejayaan dan sejarah yang tersendiri apabila menjadi LIMA yang terbesar dan terbaik sepanjang edisi penganjurannya berdasarkan kepada faktor-faktor berikut:

- (i) LIMA'19 telah berjaya menarik penyertaan 406 pempamer dari 32 buah negara. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 206 buah syarikat pertahanan tempatan telah menyertai pameran LIMA'19;
- (ii) secara keseluruhannya, kawasan ruang pameran adalah seluas 11,037 meter persegi berbanding 10,100 meter persegi pada LIMA'17;
- (iii) seramai 400 delegasi antarabangsa daripada 49 negara telah hadir ke LIMA'19 berbanding 371 delegasi daripada 49 negara semasa LIMA'17;
- (iv) LIMA'19 telah mencatatkan kehadiran pelawat perdagangan seramai 42,030 orang bagi tempoh tiga hari pertama dan kehadiran seramai 237,114 orang pelawat awam berbanding LIMA'17 seramai 236,689 orang pelawat awam sahaja; dan
- (v) LIMA turut menyaksikan penganjuran tujuh persidangan berimpak tinggi seperti persidangan *Chief of Navy Roundtable Talks, Chief Conference, National Maritime Conference* dan *ASEAN Aviation Summit*.

Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kementerian bila menjawab soalan, kalau ditafsirkan sama soalan-soalan tersebut, tidak payah jawab lagi. Ini kerana jika ia sudah menjawab soalan, kita sudah masukkan akan

menjawab bersamaan dengan soalan-soalan tersebut. Nanti soalan ini tidak akan bangkit lagi. Silakan Yang Berhormat, soalan tambahan.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya pun hairan juga kenapa soalan saya di naik sebab cerita pun sudah sejuk. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, saya membaca sedikit berhubung dengan LIMA ini selepas dua bulan ia berakhir. Rupanya ramai yang komen melalui *Facebook*, *Instagram* dan sebagainya.

Saya tertarik Yang Berhormat Menteri dengan dua komen dari segi pelancongan, Tuan Yang di-Pertua. Pertama, daripada John Paul La Didois daripada Belgium. Dia kata apa Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, “*We come from far away and this is my third LIMA. You have a fantastic paradise island. I have no lesson to give, but here is the traced after few days. Monday, there was nothing. It is not difficult to put everything in a plastic bag and put it in the trash.*” Every day I saw some incivilities continue to destroy your paradise.” Dan dia tunjuk gambar-penuh dengan sampah.

#### ■1110

Kemudian- ini soal pelancong yang datang. Daripada *China Press*, reported by *China Press*, “*Thousands of people began queueing up outside the venue as early as 7 am. The crowd frustration grew after they wait become longer. They also complaint that there were no clear division of line and entrances between normal ticket buyers, online ticket buyers, and the elderly, disabled and children under 12. A commotion broke out after that*”. Jadi maknanya pelancong-pelancong kita ini memerhati. Banyak saya melihat komen-komen yang sebegini.

Soalan yang pertama saya, Tuan Yang di-Pertua, apakah kita akan mengambil tindakan selepas ini?

Saya teringat semasa saya pergi melihat *British Open Golf* semasa Tiger Woods main di Scotland dan lebih 500,000 orang manusia ada di situ. How they do it, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin?

Mereka melepaskan anak-anak sekolah yang kecil-kecil ini kutip sampah. Bila kita buang sampah, budak-budak ini pergi ambil dan bagi balik kepada orang tua-tua. Jadi, malu kita. Dan saya tengok, memang cuci. Saya hendak mencadangkan supaya sukarelawan-sukarelawan LIMA 2021 nanti, kita gunakan teknik ini pula, Yang Berhormat Menteri.

Keduanya, saya melihat kepada syarikat-syarikat yang menandatangani kontrak atau MoU ini memang besar-besar. AIROD yang collaboration-nya dengan China, *Airbus the French company*, *Rosebank Engineering from Australian*, TAE

dari Arizona, Amerika, *Kongsberg Defense* dengan *Norway, Glotec Ltd. from Serbia, Avio from Italy* dan semua syarikat ini banyak daripada *Europe* yang *dok hentam kita* bab kelapa sawit ini.

Saya hendak timbul balik cerita kelapa sawit. Kita ada *agreement* dengan mereka, mereka tidak pernah sokong kita malah hentam kita lagi dari segi kelapa sawit. Tidak sensitifkah Malaysia ini?

Kemudian, saya melihat Glotec Ltd. Serbia ini adalah kerjasama antara Singapura dengan Bosnia yang satu ketika dulu kita pernah hentam mereka *for killing our Muslim brothers. Are we not sensitive enough?*

Jadi saya hendak bertanya kepada kementerian, apakah tidak ada keprihatinan daripada segi ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Liew Chin Tong:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah. Soalan tentang sampah itu saya akan salurkan kepada Kerajaan Negeri Kedah dan kerajaan tempatan dan juga Ahli Parlimen Langkawi.

Soalan tentang- komen tentang isu baris beratur dan isu hari awam, pihak kementerian telah buat *post-mortem* dan pihak kementerian berjanji akan ada pengendalian yang lebih baik dalam program LIMA pada tahun 2021.

Berkenaan dengan tuduhan yang dikatakan tadi, saya semak senarai di sini saya tidak nampak apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dato' Suhaimi tetapi saya akan dapatkan jawapan bertulis untuk Yang Berhormat. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan Yang Berhormat.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, LIMA diperuntukkan sebanyak RM15.582 juta. Selepas mesyuarat *post-mortem*, saya ingin tahu, adakah penjimatan dibuat? Terima kasih.

**Tuan Liew Chin Tong:** Terima kasih. Penjimatan dibuat dari segi berbanding dengan LIMA 2017 yang diperuntukkan RM20 juta kepada Kementerian Pertahanan, kali ini peruntukan adalah RM15 juta. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Silakan Yang berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Hj. Md. Nordin.

**5. Dato' Fahariyah binti Haji Md Nordin** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan, kes-kes kenaikan harga barang pengguna yang direkodkan kerajaan sehingga Mac 2019 dan bagaimana penguatan kuasa KPDNHEP menangani kecenderungan peniaga menaikkan harga barang pengguna.

**Timbalan Menteri Pertahanan [Tuan Liew Chin Tong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ditugaskan untuk jawab soalan ini walaupun saya tidak dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Kepada Yang berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya hendak ingatkan kepada pentadbiran kerajaan, ini kena maklum kepada saya sebelum menjawab soalan.

**Tuan Liew Chin Tong:** Oh, itu tidak maklum ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak dimaklumkan. Tidak apalah, Yang Berhormat. Boleh bagi secara bertulis.

**Tuan Liew Chin Tong:** Okey. Tak payah jawab?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak payah jawab. Kita bagi peluang kepada Menteri yang ada. Silakan Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff.

**6. Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, apakah hasil siasatan terhadap kes rampasan dadah yang terbesar baru-baru ini dengan jumlah berat lebih daripada 2 tan. Adakah pihak PDRM mengenal pasti sumbernya.

**Timbalan Menteri Pertahanan [Tuan Liew Chin Tong]:** Ini pun saya [Ketawa] Akan tetapi ini sudah maklum- ada, kan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yes.

**Tuan Liew Chin Tong:** Ada. Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa KDN kena bayar sayalah [Ketawa]

Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff, Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa berusaha untuk mengesan dan membanteras sebarang operasi penyeludupan dadah di negara ini. Penguatankuasaan melalui tindakan proaktif dan strategi yang disusun kemas serta risikan berkualiti telah banyak mendatangkan kejayaan.

Pada 19 Mac 2019, PDRM melalui Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman dan JSJN Johor telah berjaya menumpaskan satu sindiket penyeludupan dan pengedaran dadah warga tempatan yang melibatkan tujuh

orang lelaki. Operasi berjaya merampas dadah yang disyaki syabu sebanyak 2.6 tan dengan nilai rampasan dianggarkan sebanyak RM103.2 juta. Ini paling tinggi dalam sejarah. Selain itu, PDRM turut menyita tujuh buah kenderaan, tiga utas jam tangan, wang tunai sebanyak RM6,270 dan pelbagai barang kemas dengan nilai anggaran sitaan keseluruhan sebanyak RM489,000.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kertas siasatan telah pun dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya dan arahan tuduh di bawah seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 telah pun dibuat pada 31 Mac 2019. Selain itu, PDRM turut mengambil tindakan di bawah seksyen 3(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 dan berdasarkan siasatan oleh PDRM, sumber adalah daripada sindiket dadah antarabangsa yang menjadikan Malaysia sebagai salah satu hab transit dadah sebelum diedarkan ke pasaran tempatan dan antarabangsa. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat.

**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff:** Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak ada Menteri yang jawab, saya tanya jugalah soalan ini. Bagi saya, saya perlu tanya.

Baru-baru ini pada April 2019, tiga pasukan khas PDRM iaitu Pasukan Tindakan Khas Antimaksiat, Judi dan Gengsterisme (STAGG), Pasukan Khas Taktikal Narkotik (STING) dan Pasukan Khas Jenayah Terancang (STAFOC) telah dibubarkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan atas alasan yang saya faham adalah penindihan kuasa dalam pekerjaan dan penyiasatan yang lain. Peranan Pasukan Khas Taktikal Narkotik (STING) dikhususkan untuk memerangi ketua dadah terancang serta sindiket penyeludupan dadah tempatan dan antarabangsa. Malaysia dipercayai dijadikan negara transit dadah diantar ke negara-negara jiran dan juga negara-negara rantau Asia Pasifik.

Soalan saya, Yang Berhormat Menteri, adakah pihak kementerian melihat penghapusan tiga unit elit PDRM ini akan memberi ruang dan peluang yang lebih kepada penjenayah-penjenayah berat di luar sana untuk meneruskan kegiatan haram mereka? Juga, berapakah jumlah kes dan jumlah rampasan narkotik yang telah diselesaikan oleh STING sejak ditubuhkan?

Apakah kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh ketiga-tiga pasukan elit tersebut yang telah pun dimansuhkan baru-baru ini? Sekian, terima kasih.

■1120

**Tuan Liew Chin Tong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Saya jawab berdasarkan kenyataan media Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri dan juga perbincangan saya dengan beliau.

Penutupan tiga unit yang disebutkan tadi tujuannya ialah untuk membalikkan kuasa ataupun memulangkan kuasa dan juga tugas-tugasan kepada unit-unit yang sedia ada. Ketiga-tiga unit itu ditubuhkan pada masa Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi untuk menyekat masalah atau apa yang tidak boleh diselesaikan oleh unit-unit sedia ada.

So, ia tubuhkan ketiga-tiga unit itu untuk menjadi *special force*. Ini kerana tidak boleh mengatasi masalah di dalam unit-unit yang sedia ada. Akan tetapi untuk kementerian sekarang ialah untuk memulangkan kerja dan tugas kepada unit yang sedia ada supaya mereka boleh jalankan kerja mereka tanpa ada pertindihan. Terima kasih.

**Dato' Haji Mohd Suhami bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya selaku Timbalan Yang di-Pertua PEMADAM banyak menerima laporan-laporan berhubung dengan dadah Yang Berhormat Menteri. Salah satunya ialah Bahagian Narkotik sendiri, berlaku di Terengganu Yang Berhormat, mereka tidak ada kenderaan untuk hendak pergi menangkap.

Ada kenderaan dan mereka sewa. Mereka dapat *information* dan sewa kereta dan pulang apabila hendak *claim* balik tidak dapat. Kereta tidak ada, kereta rosak dan menggunakan kereta sendiri untuk membuat penangkapan. Saya yakin dan percaya Yang Berhormat, *we cannot sacrifice*, dengan izin, apabila berhubung dengan dadah ini.

Apakah tidak boleh Yang Berhormat sampai masanya kita menggunakan tentera-tentera kita untuk memerangi dadah ini? Itu soalan saya Yang Berhormat Menteri. Terima kasih dan Yang Berhormat Menteri Pertahanan pun ada. Kalau boleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan boleh memberi satu polisi yang baru supaya menggunakan askar-askar ini untuk memerangi dadah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Liew Chin Tong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Ya ada dua bahagian soalan itu. Satu saya jawab sebagai Timbalan Menteri Pertahanan tetapi tentang isu kenderaan minta berikan maklumat yang ..

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang spesifik.

**Tuan Liew Chin Tong:** Ya, spesifik supaya Kementerian Dalam Negeri boleh ambil tindakan. Akan tetapi untuk penglibatan tentera dalam ops-ops yang sedia ada yang diuruskan atau diarahkan oleh Majlis Keselamatan Negara terutamanya di sempadan utara dan juga di kawasan sempadan atau pulau-pulau yang telah ditugaskan, memang tentera terlibat dari segi menjaga kedaulatan dan keutuhan sempadan kita dan itu tugas utama tentera.

Kalau ditugaskan, maka tentera akan bantu sebagai tugas *secondary* atau *secondary role* tentera. Tugas utama tentera ialah untuk menjaga kedaulatan sempadan kita. Terima kasih.

**Tuan Adrian Banie Lasimbang:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sedikit pantun.

*Setahun lalu rakyat setuju;  
Pilih Harapan untuk maju.*

*Laut gelora musim tengkujuh;  
Soalan saya nombor tujuh... [Tepuk]*

7. **Tuan Adrian Banie Lasimbang** minta Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim menyatakan, adakah kementerian menyediakan *Renewable Energy Masterplan* untuk Malaysia, dan apakah usaha kerajaan dalam melibatkan semua pemegang taruh dalam perkara ini termasuklah kementerian yang berkaitan, NGO, pihak industri dan akademik dalam menyelaras usaha ini.

**Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim [Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy]:** Terima kasih Gundohing Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang. Malangnya saya tidak ada jawapan kepada pantun itu. Saya jawab kepada soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa berusaha untuk mempelbagaikan sumber bahan api dalam penjanaan bekalan elektrik negara bagi mengurangkan kebergantungan terhadap bahan api fosil. Bagi tujuan tersebut, kerajaan sedang membangunkan sebuah Pelan Induk Tenaga Boleh Baharu atau kita panggil ringkasnya sebagai TBB yang dikenali sebagai *Renewable Energy Transition Roadmap 2035*.

Pelan induk ini akan mengenal pasti potensi dan cabaran pembangunan TBB di negara ini selain menggariskan strategi dan inisiatif untuk mencapai sasaran 20 peratus campuran TBB dalam pembekalan elektrik negara menjelang tahun 2025.

Penyediaan RETR atau *Renewable Energy Transition Roadmap 2035* turut melibatkan siri dialog bersama pemegang-pemegang taruh seperti kementerian

dan jabatan-jabatan kerajaan, agensi-agensi kerajaan negeri, penggiat industri TBB, ahli-ahli akademik dan institusi kewangan.

Pandangan dan cadangan daripada semua *stakeholders* atau pemegang-pemegang taruh ini akan diambil kira bagi memastikan dokumen yang dibangunkan adalah bersifat holistik dan mampu merancakkan lagi pembangunan industri TBB di negara ini. Terima kasih.

**Tuan Adrian Banie Lasimbang:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan tadi. Soalan tambahan saya, ini berkaitan dengan sedikit statistik. Apakah statistik terkini *energy mix* ataupun mengikut jenis penjanaan terkini Malaysia? Apakah unjuran yang disasarkan oleh kementerian untuk mencapai sasaran 2025 ini?

Kemudian, saya ingin bertanya sebab salah satu daripada sektor yang paling penting dalam memastikan lebih banyak lagi tenaga boleh diperbaharui untuk masuk ke dalam *energy mix* kita iaitu *large scale solar*.

So, saya ingin bertanya, berapakah pelan ataupun berapa megawatt yang dicadangkan ataupun direncanakan untuk dipasang LSS ini di Sabah? Itu sahaja. Terima kasih.

**Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy:** Terima kasih soalan tambahan Yang Berhormat. Untuk kapasiti terpasang, kapasiti campuran tenaga untuk seluruh Malaysia adalah sebanyak 26,430 megawatt dan daripada sumber bukan tenaga boleh baharu 7,337.21 megawatt. Kalau Yang Berhormat tanya untuk Sabah pula *specifically* yang melibatkan *renewable energy* dan hidro ini adalah sehingga Disember 2018 adalah sebanyak 435.35 megawatt.

Oleh sebab tadi ada beberapa soalan. Secara keseluruhan untuk tenaga boleh baharu sumber solar yang disambung ke grid bagi negeri Sabah adalah 89.70 megawatt dan daripada jumlah tersebut, 50 megawatt adalah daripada LSS dan selebihnya FIT. Kita juga dalam pelaksanaan untuk kita selaraskan semua perancangan LSS ini bersekali dengan proses penyerahan semula SSB dikembalikan kepada negeri Sabah. Terima kasih.

8. **Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat** minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan, apakah langkah-langkah yang diambil untuk jaminan kesejahteraan hidup hari tua bagi warga kerja industri hiburan, karyawan filem dan televisyen tempatan supaya mereka tidak hidup dalam kemiskinan pada usia emas.

**Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Tuan Eddin Syazlee Shith]:** Terima kasih dan dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli

Yang Berhormat Senator, kementerian melalui Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia sentiasa prihatin terhadap kebajikan penggiat industri termasuk industri hiburan, karyawan filem dan televisyen tempatan yang terlibat dalam industri kreatif.

Contohnya pada tahun 2017 hingga Mac 2019, sejumlah RM19,000 sumbangan tunai telah diberikan kepada 14 orang penerima termasuk waris yang ditimpa musibah seperti sakit dan kematian melalui Program Ziarah Kasih dan Program Ziarah Kebajikan yang dikelolakan oleh FINAS bersama kementerian. Sumbangan ini sebagai tanda prihatin dan sokongan pihak kerajaan melalui kementerian dan FINAS terhadap karyawan seni tanah air.

Antara langkah-langkah yang dicadangkan di samping itu untuk dilaksanakan bagi menjamin kesejahteraan hidup warga kerja industri hiburan adalah seperti memperkenalkan caruman KWSP dan caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) bagi melindungi kebajikan penggiat seni tersebut.

Selain daripada itu, kementerian melalui FINAS dengan kerjasama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang memperhalus untuk mewujudkan jaringan strategi dan kerjasama bagi memperkenalkan Perumahan Komuniti Seni Harapan bagi merealisasikan pemerkasaan kesejahteraan ekonomi penggiat seni di negara ini.

#### ■1130

Persatuan-persatuan perfileman- untuk makluman selanjutnya, seperti Persatuan Seniman Malaysia- Seniman; Persatuan Sutradara Malaysia- FDAM; persatuan-persatuan PROFIMA dan karyawan dan lain-lain juga, giat membantu ahli-ahli yang berdaftar yang ditimpa musibah seperti menyediakan skim insurans perlindungan hayat kepada penggiat seni bebas termasuklah pelakon, penyanyi, kru, penulis skrip dan juga pekerja di belakang tabir.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan.

**Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat:** Tuan Yang di-Pertua, di negara kita ini sering kali kita terbaca dalam akhbar, bekas-bekas seniman, bekas artis, hidup mereka agak sengsara di kala usia emas. Selepas *glamour* bertahun-tahun, selepas melalui tahun-tahun yang selalu kita tengok di dada-dada akhbar yang popular. Akhir sekali, mereka menjadi sengsara semasa tua. Saya difahamkan karyawan telah mengemukakan kepada kerajaan satu cadangan untuk menubuhkan Majlis Artis Negara. Tujuannya adalah untuk membantu mereka-

mereka ini yang di usia tua. Jadi, saya hendak tahu apakah status permohonan tersebut. Sama ada dapat kelulusan ataupun tidak ataupun *pending*.

Kedua, saya ingin tahu adakah kerajaan telah menyalurkan apa-apa peruntukan kepada persatuan-persatuan seni di negara kita? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk di atas soalan tambahan berkenaan majlis kesenian, karyawan tersebut. Saya percaya ia masih di peringkat cadangan dan kajian. Akan tetapi, apa yang saya sebutkan sebentar tadi yang berdasarkan kepada inisiatif yang telah dibuat oleh FINAS tadi adalah satu perkara-perkara yang baik yang saya yakini secara peribadi mampu untuk menyelesaikan masalah-masalah yang melibatkan artis-artis yang sudah *senior* ini ataupun artis-artis veteran. Ini kerana ia bukannya melibatkan jumlah yang sedikit.

Kebajikan artis veteran ini perlu dilihat secara menyeluruh dari segi keperluan kesihatan dan perumahan sebagai contoh. Jadi, Kerajaan Pakatan Harapan buat pertama kalinya telah meletakkan anak seni sendiri untuk duduk dan bagi menerajui FINAS. Contohnya pengurus dan juga, dengan izin, dan juga CEO FINAS dilantik daripada anak seni dengan harapan mereka inilah yang benar-benar memahami situasi artis-artis veteran dan mereka inilah yang akan memperjuangkan nasib dan masa depan artis-artis veteran. Inilah langkah-langkah kerajaan baharu untuk memberikan harapan baharu kepada artis-artis veteran yang ada pada hari ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang kedua itu- yang ada peruntukkan?

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** Ya, peruntukkan itu ada mengikut kesesuaian dan keperluan. Akan tetapi, tidak banyak macam yang saya sebutkan tadi. Pada tahun 2017 kerajaan sebelum ini RM19,000 telah dibelanjakan untuk keperluan kebajikan seramai 14 orang artis. Saya kira lebih kurang seribu lebih. Itu satu jumlah yang sangat sedikit sebenarnya. Itu perkara-perkara yang dibuat oleh kerajaan dahulu yang saya fikir perlu kepada penambahbaikan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, Menteri Pertahanan sudah sedia untuk membuat penerangan kepada Dewan yang mulia ini. Jam pada pukul 11.34 pagi, masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan selesai.

**[Sesi Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

**USUL****PENERANGAN DARIPADA MENTERI PERTAHANAN DI BAWAH P.M. 13(1)(i)****Hasil Siasatan dan Syor Penambahbaikan Tadbir Urus Pelaksanaan Projek Penswastaan Secara Kaedah *Land Swap***

**11.34 pg.**

**Menteri Pertahanan [Tuan Mohamad bin Sabu]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera kepada semua.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas peluang dan kesempatan untuk saya membentangkan- Hasil Siasatan dan Syor Penambahbaikan Tadbir Urus Pelaksanaan Projek Penswastaan Secara Kaedah *Land Swap*, di Kementerian Pertahanan yang telah dilaksanakan sejak Julai 2018 hingga Disember 2018 oleh Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus Perolehan dan Kewangan Kerajaan.

Sepertimana sedia maklum, penubuhan jawatankuasa siasatan ini dan arahan agar Kementerian Pertahanan dijadikan kementerian pertama disiasat adalah selaras dengan janji 23 dalam Manifesto Pakatan Harapan iaitu memastikan perolehan kerajaan menjana faedah maksimum untuk rakyat.

Bagi Kementerian Pertahanan, dua objektif yang hendak dicapai daripada kajian ini untuk memastikan perolehan Kementerian Pertahanan berteraskan *value for money* dan dapat mempertingkatkan tahap kesiapsiagaan pertahanan negara memandangkan tahap kesiap siaga pertahanan negara belum mencapai tahap yang dikehendaki.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, siasatan ini dilaksanakan berdasarkan kenyataan masalah yang dikenal pasti iaitu tadbir urus pelaksanaan pembangunan infrastruktur Angkatan Tentera Malaysia melalui kaedah *land swap*. Kebanyakannya lemah dan boleh merugikan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya memaklumkan mengenai penemuan dan syor oleh Jawatankuasa Siasatan, izinkan saya memaklumkan status tanah di bawah pengurusan Kementerian Pertahanan.

Berdasarkan rekod di Kementerian Pertahanan, terdapat sejumlah 1,166,469 ekar tanah yang diurus oleh kementerian ini. Tanah-tanah ini terdiri daripada tanah milik Persekutuan, tanah rizab milik kerajaan negeri, dan tanah di bawah Akta Manuver 1983.

Sejumlah 100,942.3 ekar merupakan tanah milik Persekutuan yang ditadbir oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP).

Daripada jumlah tersebut, 7,394 ekar tanah telah digunakan bagi pelbagai tujuan termasuk *land swap*, *outright sale*, pajakan dan sewaan.

Tanah yang terlibat dengan pelaksanaan pembangunan secara *land swap* di bawah Kementerian Pertahanan berjumlah '3,979.600' ekar.

Untuk makluman, pelaksanaan projek-projek pembangunan kerajaan secara penswastaan, melalui kaedah *land swap* merupakan salah satu inisiatif berdasarkan kepada prinsip sesuatu projek pembangunan secara reka dan bina yakni *design and build* dan dibiayai sepenuhnya oleh pihak swasta berdasarkan nilai tanah semata-mata tanpa sokongan dan sumbangan kewangan daripada kerajaan. Sebagai balasan, pihak swasta akan memperoleh sebidang tanah lain milik kerajaan setelah projek pembangunan yang dilaksanakan selesai dan diterima oleh kerajaan.

Dalam hal ini, tiada implikasi terhadap kewangan kerajaan dan risiko pembangunan adalah di bawah pihak swasta sepenuhnya sehingga projek pembangunan tersebut siap dan serahkan kepada kerajaan.

Kementerian Pertahanan telah mula melaksanakan pembangunan secara kaedah *land swap* sejak tahun 1997 sehingga kini. Pendekatan pelaksanaan secara *land swap* ini dianggap salah satu opsyen yang terbaik oleh kerajaan terdahulu dalam usaha menampung keperluan peruntukan pembangunan yang tidak mencukupi untuk memenuhi kehendak perancangan menaik taraf dan membina fasiliti ketenteraan.

Kesemua projek *land swap* sebelum tahun 2009 adalah diuruskan di bawah Unit Perancang Ekonomi. Walau bagaimanapun, selepas tahun 2009 sehingga kini Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) dahulunya di bawah Jabatan Perdana Menteri dan kini di bawah Kementerian Kewangan merupakan agensi pusat yang dipertanggungjawabkan untuk menyelaras dan merunding projek-projek *land swap*.

#### ■1140

Cadangan projek *land swap* akan dikemukakan oleh kementerian atau agensi kepada UKAS untuk dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Kerjasama Awam Swasta seterusnya dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Tertinggi Awam Swasta yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara. Selepas itu, ia akan dikemukakan kepada Jemaah Menteri untuk dipertimbangkan. Projek-projek *land swap* perlu melalui dua peringkat kelulusan Jemaah Menteri.

Pertama kelulusan prinsip yang membolehkan pihak kementerian mengenal pasti skop, terma-terma kontrak dan memuktamadkan rundingan harga

sebelum mendapat kelulusan yang kedua daripada Jemaah Menteri. Selepas kelulusan kedua Jemaah Menteri, barulah satu perjanjian penswastaan *land swap* boleh ditandatangani. Perjanjian penswastaan secara *land swap* ini melibatkan tiga pihak iaitu kerajaan, diwakili oleh kementerian, syarikat *special purpose vehicle* (SPV), pemaju syarikat tanah dan harta Sdn. Berhad, dan perjanjian ini hanya akan dianggap termeterai setelah ketiga-tiga pihak menandatangani perjanjian tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat beberapa keputusan Jemaah Menteri mengenai pelaksanaan projek *land swap*. Antaranya Jemaah Menteri pada 16 Julai 1997 telah memutuskan semua tanah milik persekutuan yang terlibat dengan projek penswastaan hendaklah dipindah milik kepada pihak swasta secara pajakan untuk 99 tahun, bukan secara pegangan kekal kecuali syarikat milik kerajaan sepenuhnya.

Keduanya, Jemaah Menteri pada 10 Ogos 2005 telah memutuskan *land swap* di Lembah Klang dan bandar-bandar utama tidak dilaksanakan dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri diberi kuasa meluluskan beberapa projek yang melibatkan pertukaran hak milik tanah kepada pihak swasta jika perlu.

Ketiga, Jemaah Menteri pada 24 Jun 2015 telah memutuskan projek PPP hendaklah dilaksanakan secara *request for proposal* tetapi bagi projek PPP yang melibatkan keselamatan negara atau kepentingan awam, negara boleh melaksanakan secara RFP terhadap atau rundingan terus.

Tuan Yang di-Pertua, pihak jawatankuasa siasatan telah melaksanakan siasatan ke atas 16 projek *land swap* di Kementerian Pertahanan yang melibatkan 2,923 ekar tanah bernilai RM4.8 bilion dan kelulusan kos projek berjumlah RM4.9 bilion. Projek-projek tersebut di pelbagai peringkat pelaksanaan seperti berikut:

- (i) lima projek telah siap sepenuhnya;
- (ii) satu projek gagal;
- (iii) dua projek dalam pembinaan;
- (iv) satu projek telah ditandatangani;
- (v) tiga projek masih belum ditandatangani; dan
- (vi) empat projek telah mendapat kelulusan prinsip Jemaah Menteri kerajaan dahulu.

Hasil daripada siasatan, pihak jawatankuasa telah mengemukakan 12 rumusan dan penemuan seperti berikut.

Pertama, kerugian kepada kerajaan. Secara keseluruhannya, Jawatankuasa telah mendapati anggara kerugian bagi pelaksanaan 16 projek *land*

swap tersebut melebihi RM500 juta sebagaimana yang telah dimaklumkan melalui Kenyataan Media saya bertarikh 19 Februari 2019. Anggaran kerugian berjumlah RM500 juta berdasarkan perkara-perkara berikut- ini baru kerugian dalam *land swap* baru ya, belum yang lain-lain.

*Real lost.* Perbezaan nilai tanah balasan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) dan harga yang dipersetujui dengan pihak syarikat. Sebagai contoh tanah balasan di Bukit Raja dan Kapar yang dinilai oleh JPPH sebanyak RM315 juta bagi projek Kem Mora Tuang, namun telah ditawarkan kepada syarikat hanya dengan harga RM277 juta sahaja.

Manakala bagi Kem Transit dan Rejimen Wataniah 305 yang menggunakan tanah balasan di Jalan Ampang didapati gagal disiapkan pada masa yang ditetapkan. Kementerian Pertahanan didapati telah gagal mengenakan denda lewat jadual atau *liquidated ascertained damage* bernilai RM6.2 juta disebabkan *certificate of non-completion* tidak dikeluarkan. Kementerian Pertahanan terpaksa menggunakan RM15.9 juta untuk membuat kerja-kerja pembaikan selepas *certificate of practical completion* dikeluarkan.

Kategori *potential lost* adalah berdasarkan kepada dapatan pihak jawatankuasa siasatan berkaitan nilai tanah balasan di Kem Kinrara yang ditetapkan pada nilai RM500 juta berbanding dengan nilai JPPH iaitu RM619.7 juta. Nilai ini telah mendatangkan kerugian sebanyak RM119.7 juta sekiranya kontrak perjanjian bagi projek ini ditandatangani kelak.

Untuk makluman, meskipun kontrak perjanjian bagi projek ini masih belum ditandatangani, kerajaan terdahulu telah mengarahkan syarikat untuk memperoleh tanah dan memulakan projek di Kem Paloh, Johor di mana perbelanjaan setakat ini mengikut anggaran syarikat ialah sebanyak RM85 juta. Ini secara tidak langsung telah meletakkan kerajaan dalam risiko kerugian sekiranya projek tersebut tidak diteruskan. Perjanjian belum ditandatangani, projek sudah jalan, cekap.

Manakala bagi kategori *potential lost* pula, jawatankuasa siasatan turut menilai kerugian yang disebabkan oleh kelemahan urus tadbir kontrak. Sebagai contoh *extension of time* dan *supplementary contract* telah diluluskan secara *backdated* yang menyebabkan pihak syarikat dikecualikan daripada kenaan denda lewat jadual atau LAD.

Pertimbangan politik melebihi kepentingan kerajaan. Jawatankuasa siasatan mendapat penglibatan anggota pentadbiran iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Pertahanan adalah jelas dalam

kebanyakannya kes *land swap* sebanyak 13 daripada 16 kes. Siasatan juga mendapati terdapat penglibatan Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia di Kem Bera, Kem Segamat, Kem Paloh dan Kem Hutang Melintang iaitu berlakunya pemindahan pengundi sebelum Pilihanraya Umum Keempat Belas.

Proses perolehan tidak menjamin *value for money, due diligence* tidak dilaksanakan. 12 daripada 16 projek *land swap* yang disiasat telah dan akan diuruskan secara rundingan terus dan didapati beberapa syarikat yang dilantik tidak memenuhi syarat. Kaedah penetapan nilai tanah balasan tidak konsisten.

Pihak jawatankuasa siasatan mendapati empat tanah balasan yang dinilai kurang daripada nilaiann Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) melibatkan iaitu tanah *land swap* Bukit Raja mukim Kapar dan Kuching, *land swap* mukim Plentong, Johor, *land swap* Bukit Raja mukim Kapar, *land swap* Kem Kinrara iaitu kalau *land swap* Bukti Raja nilainya RM315.51 juta, tanah balasan hanya bernilai RM277 juta. *Land swap* mukim Plentong RM57.3 juta, tanah balasan RM55.2 juta. *Land swap* Bukit Raja RM94 juta, tanah balasan hanya RM87.5 juta, *land swap* Kem Kinrara nilainya RM619.7 juta, nilai tanah balasan RM500 juta. Jumlahnya di sini sahaja kerugian kerajaan sudah RM166.81 juta.

#### ■1150

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, sebentar. Tukar giliran.

*[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Kerajaan didapati mengalami kerugian...

**Beberapa Ahli:** *Mic.*

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Tukar giliran, *mic* mati ya *[Ketawa]*

Kerajaan didapati mengalami kerugian sebanyak RM166.81 juta kerana menetapkan nilaiann tanah balasan kurang daripada penilaian Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta.

Syarikat kontrak yang tidak menjaga kepentingan kerajaan. Kuasa kontrak yang membenarkan tukar milik tanah dibuat sebaik saja bon tanah diterima didapati tidak menjaga kepentingan kerajaan. Dalam kes ini, tanah balasan telah pun ditukar milik apabila bon tanah dikemukakan oleh syarikat walaupun projek belum disiapkan.

Perancangan projek *land swap* yang lemah. Berdasarkan semakan, hanya dua daripada 16 projek pembangunan iaitu Puspahanas dan pembangunan fasiliti Skuadron 323 TUDM Bukit Banang, Johor yang dikenal pasti terkandung dalam

pelan pembangunan Kementerian Pertahanan, manakala 10 daripada 16 projek yang dimulakan melalui penerimaan cadangan daripada pihak swasta di mana pihak swasta yang mengenal pasti tanah balasan dan seterusnya mencadangkan projek pembangunan untuk dipertimbangkan oleh Kementerian Pertahanan.

Syarat bagi tujuan nilai tanah balasan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta tidak konsisten. Hasil siasatan telah mendapati syarikat yang ditetapkan bagi tujuan penilaian Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta tidak konsisten bagi pelaksanaan projek *land swap* Kementerian Pertahanan. Sebagai contoh, didapati terdapat tanah balasan yang telah dinilai dengan asas penilaian tempoh pajakan kekal, bukannya pegangan 99 tahun dan kegunaan sedia ada dan bukannya yang tertinggi dan terbaik.

Terdapat kes di mana kontrak tidak ditamatkan walaupun syarikat tidak memperoleh tempoh sah laku bon tanah dan bon pelaksanaan yang telah luput. Sebagai contoh, kegagalan untuk menamatkan kontrak bagi projek pembangunan Markas 7 Briged Skudai melalui kaedah *land swap* Mukim Plentong, Johor telah menyebabkan kepentingan kerajaan sepanjang tahun 2002 hingga tahun 2011 tidak terjamin memandangkan kedua-dua bon tersebut telah luput. Projek ini telah gagal disiapkan sehingga kini...

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Mahfuz bin Haji Omar]:**  
Dahsyat ya.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Bila gagal, yang merananya ialah angkatan tentera itu sendiri.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Bukan Mukim Plentong sudah itu. Itu jadi kelentong itu *[Ketawa]*

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Jangan ganggu ya... *[Dewan Ketawa]*

Pelaksanaan *land swap* tidak mematuhi peraturan dan SOP. Sebagai contoh, dalam kes cadangan pembangunan semula tapak Kem Kinrara, Mukim Petaling, Selangor melalui kaedah pertukaran tanah Kem Kinrara seluas 94.12 ekar, surat arahan dikeluarkan kepada syarikat untuk membeli tanah dan memulakan pembangunan sebelum kontrak ditandatangani.

Hasil siasatan juga mendapati pembelian tanah tersebut tidak mengikut kaedah perolehan kerajaan yang sewajarnya di mana tiada Jawatankuasa Rundingan Harga di peringkat kementerian yang sepatutnya dihadiri oleh wakil jabatan, Ketua Pengarah Tanah dan Galian dan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta.

Siasatan dan semakan pihak jawatankuasa mendapati bahawa terdapat beberapa projek *land swap* yang dilaksanakan tanpa mengambil kira pandangan daripada pihak agensi pusat seperti Jabatan Peguam Negara dan Kementerian Kewangan. Ini secara tidak langsung memberi impak negatif terhadap pelaksanaan projek *land swap*.

Situasi yang dimaksudkan bagi isu ini adalah suatu cadangan yang diangkat untuk kelulusan prinsip. Jemaah Menteri dimaklumkan nilai tanah balasan mampu menampung kos projek. Namun begitu, ketika sesi makmal pengurusan nilai atau *value management lab* dilaksanakan, kos projek adalah jauh melebihi nilai tanah balasan. Sekiranya cadangan projek ini diteruskan, kerajaan terpaksa menampung melalui peruntukan pembangunan. Prinsip asas pelaksanaan projek *land swap* ini adalah perlu memenuhi keperluan agensi yang memohon.

Walau bagaimanapun, berdasarkan siasatan, skop projek balasan yang dipersetujui terpaksa dipinda bagi memenuhi arahan anggota pentadbiran. Sebagai contoh, cadangan penggunaan semula tapak Kem Kinrara, Mukim Petaling, Selangor melalui kaedah pertukaran tanah Kem Kinrara seluas 94.12 ekar. Pada asalnya, *land swap* Kem Kinrara bertujuan bagi pembangunan semula Kem Markas 1 Briged Tentera Darat di Rasah ke tapak yang baharu di Port Dickson memandangkan keadaan kem sedia ada yang telah usang.

Walau bagaimanapun, skop projek balasan ini telah digugurkan dan seterusnya diganti dengan pembangunan Kem Paloh yang bukan merupakan keutamaan Kementerian Pertahanan. Kem ini hanya menyediakan bangunan pejabat dan rumah bujang. Bermakna pegawai dan anggota yang terlibat terpaksa juga mendiami rumah di Kem Mahkota atau kawasan sekitarnya. Malahan, keperluan kediaman keluarga dijangka akan bertambah rumit dengan perpindahan pegawai dan anggota daripada Kem Tebrau.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada penemuan siasatan, pihak jawatankuasa telah mencadangkan 12 syor tindakan yang perlu diambil untuk memastikan kepentingan kerajaan dapat terpelihara dalam melaksanakan projek *land swap* seperti berikut:

- (i) pelaksanaan *land swap* secara tender terbuka;
- (ii) penetapan syarat penilaian tanah balasan;
- (iii) pengurusan bon-bon projek yang lebih teratur;
- (iv) penyerahan tanah balasan selepas projek siap;

Bukan- projek tidak siap lagi, tanah balasan sudah siap sudah.

- (v) perancangan projek yang komprehensif;
- (vi) kaji semula kewujudan syarikat tanah dan harta;
- (vii) kelebihan nilai tanah balasan hendaklah dimasukkan dalam komponen Wang Yang Disatukan;
- (viii) siasatan dan tindakan lanjut ke atas pegawai yang didapati melanggar peraturan dan menjelaskan kepentingan kerajaan;
- (ix) mewujudkan dan mengemas kini inventori tanah di Kementerian Pertahanan;
- (x) kaveat pendaftar ke atas tanah balasan projek yang belum siap sepenuhnya;
- (xi) tidak meneruskan projek *land swap*, tiada kontrak tambahan; dan
- (xii) rundingan semula projek *land swap* demi kepentingan kerajaan.

Beberapa repot telah dibuat kepada pihak SPRM terhadap hasil daripada laporan yang diketuai oleh Tan Sri Amrin Buang ini dan pihak SPRM sedang menjalankan tugas untuk mengambil tindakan jika ianya ada menyalahi undang-undang atau terlibat dalam rasuah dan penyelewengan.

Tuan Yang di-Pertua, lanjutan daripada penemuan dan cadangan Jawatankuasa Siasatan, beberapa tindakan telah diambil oleh Kementerian Pertahanan. Satu laporan berkaitan dua projek *land swap* kepada pihak Suruhanjaya Pencegah Rasuah pada 21 Februari 2019 dan kementerian ini bersedia untuk bekerjasama sepenuhnya dengan pihak SPRM dalam penyiasatan ini. Sekian, kenyataan daripada Menteri Pertahanan... [Tepuk]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) (PINDAAN) 2018**

##### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**12.00 tgh.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Fuziah binti Salleh]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat pagi dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2018, suatu akta untuk meminda Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan amat memandang serius akan kepentingan sekolah agama Islam di negara ini termasuk juga institusi tahfiz dan pondok yang kini menjadi salah satu pilihan masyarakat. Dalam hal ini, kerajaan daripada semasa ke semasa berusaha untuk memperkasa dan memajukan sekolah agama Islam supaya kekal sebagai institusi pendidikan yang berwibawa dengan memberi penekanan daripada infrastruktur, prasarana, keselamatan dan mutu pengajian.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa satu dokumen bertajuk Dasar Pendidikan Tahfiz Negara telah pun diluluskan oleh Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwah Ugama Islam Malaysia (MKI) pada 28 Jun 2016 iaitu MKI kali ke-61. Kemudian diluluskan juga oleh Persidangan Majlis Raja-Raja Ke-247 pada 11 Oktober 2017. Dasar Pendidikan Tahfiz Negara ini merangkumi lima teras, antaranya:

- (i) memantapkan undang-undang dan penguatkuasaan sekolah-sekolah tahfiz;
- (ii) mewujudkan model institusi tahfiz;
- (iii) mewujudkan kurikulum pendidikan tahfiz yang sesuai dengan pendidikan arus perdana;
- (iv) memperkasakan tadbir urus institusi tahfiz; dan
- (v) mewujudkan sistem pengiktirafan dan pensijilan.

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, satu dasar itu tidak dapat kita laksanakan tanpa mengambil kira undang-undang untuk mengawal selia dan juga mewujudkan badan-badan lain yang boleh membantu di dalam melaksanakan dasar tersebut. Maka dengan itu, perlu ditubuhkan satu majlis yang kita panggil Majlis Tahfiz Negara.

Saya ingin memaklumkan Tuan Yang di-Pertua dan Dewan yang mulia ini bahawa pada 4 Mac 2019, satu mesyuarat cadangan penubuhan Majlis Tahfiz Negara yang merupakan badan pengiktirafan di bawah LEPAI iaitu satu Lembaga Pengurusan Pendidikan Hal ehwal Agama Islam.

Jadi, mesyuarat ini mencadangkan penubuhan LEPAI. Pada 27 Mac 2019, cadangan peluasan fungsi LEPAI telah dibentangkan dan dipersetujui dalam Persidangan LEPAI Kali Ke-50. Cadangan peluasan fungsi LEPAI ini pula akan dibentangkan di Majlis Raja-Raja pada 3 dan 4 Julai ini. Ia akan dibentangkan

kepada Majlis Raja-Raja dan kemudian dibawa semula kepada MKI untuk dilaksanakan Majlis Tahfiz Negara.

Kita ada Dasar Pendidikan Tahfiz Negara dan Majlis Tahfiz Negara itu sedang kita tubuhkan dan dimaklumkan kepada Majlis Raja-Raja, akan dimaklumkan kepada Majlis Raja-Raja.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita lihat kepada teras-teras Dasar Pendidikan Tahfiz Negara ini, tentu sekali kita memerlukan aspek pemantapan undang-undang bagi memastikan sekolah agama Islam dapat dikawal selia dengan efektif bagi menjaga kepentingan dan kebajikan pelajar secara khususnya dan kepentingan masyarakat secara amnya.

Kawal selia yang dimaksudkan ini merangkumi tindakan undang-undang serta juga khidmat nasihat, bimbingan dan sebagainya. Jika kita selami hasrat ibu bapa, sudah tentu mereka ingin anak-anak dan generasi akan datang berjaya di dunia dan di akhirat.

Hasrat itu amat besar berbanding sistem pendidikan agama Islam yang wujud sekarang ini, termasuk institusi tahfiz yang tidak seragam daripada segi kurikulum. Tiada kokurikulum tertentu, tiada prasarana yang standard, tiada latihan untuk tenaga pengajar dan lain-lain lagi. Apakah yang akan terjadi kepada anak-anak kita di sekolah agama Islam ini jika kerajaan tidak mempedulikan masa depan mereka? Ini supaya mereka mempunyai peluang sama seperti rakan sebaya dalam pendidikan arus perdana.

Hasrat ibu bapa ialah apabila seseorang anak itu sama ada dia menjadi seorang profesional, seorang guru, seorang doktor, seorang *lawyer* atau apa sahaja kerjayanya, dia juga merupakan seorang hafiz. Maka ini menambah nilai kepada seorang kanak-kanak tersebut, seorang pelajar tersebut. Tambah nilai ini wujud apabila dia menjadi seorang hafi. Oleh sebab itu tanggungjawab kerajaan untuk memastikan bahawa sistem pendidikan sekolah Islam ini, kita memberikan tadbir urus yang terbaik.

Saya juga ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua, bahawa semua negeri di Malaysia telah mempunyai enakmen ataupun ordinan khusus berkaitan dengan pengawalan sekolah agama Islam. Namun sehingga hari ini di Wilayah Persekutuan, tidak mempunyai undang-undang khusus bagi mentadbir dan mengawal selia sekolah agama Islam.

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) hanya bergantung kepada peruntukan undang-undang umum di bawah Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505] yang mana hanya

terhad kepada kuasa mendaftar sahaja. Ketiadaan undang-undang ini menyebabkan sekolah agama Islam antaranya mempunyai kebebasan secara mutlak untuk mentadbir, tidak mempunyai infrastruktur yang terjamin sebagaimana piawaian yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan dan tidak mempunyai kurikulum yang selari dengan arus perdana. Hal ini pastinya memprejudiskan pelajar-pelajar yang merupakan generasi kita pada hari ini yang akan menjadi pemimpin negara pada masa akan datang.

Sehubungan dengan itu, bagi merealisasikan hasrat kerajaan ini, JAKIM telah membuat kajian terhadap peruntukan undang-undang semasa di bawah berkaitan sekolah agama Islam. Dengan kajian yang dijalankan, pindaan terhadap Akta 505 adalah sangat diperlukan memandangkan kuasa Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), kuasanya ke atas sekolah-sekolah agama Islam dan pusat tahliz hanya terhad kepada kuasa untuk mendaftar sahaja.

Pindaan yang dicadangkan adalah bertujuan untuk melindungi kepentingan pelajar, ibu bapa dan pihak-pihak yang berkenaan. Cadangan pindaan juga telah dibincangkan dengan agensi yang berkaitan seperti MAIWP, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dan Jabatan Peguam Negara.

Tuan Yang di-Pertua, asas-asas pertimbangan bagi pindaan adalah seperti berikut.

Rang Undang-undang Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2018 telah dibentangkan dan dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil. Draf rang undang-undang juga telah dikemukakan kepada MAIWP untuk persetujuan dan telah dipersetujui dalam Mesyuarat Khas MAIWP pada 1 Oktober 2018. Seterusnya, draf rang undang-undang telah dikemukakan kepada Penggubal Undang-undang Parlimen, Jabatan Peguam Negara dan telah diluluskan pada 5 Oktober 2018.

Penubuhan sekolah agama Islam termasuk sekolah tahliz kini ibarat, “cendawan yang tumbuh selepas hujan”. Maka seiring dengan perkembangan mutakhir ini, adalah penting untuk meminda Akta 505 bagi memperluaskan kuasa MAIWP untuk mengawal selia perjalanan sekolah agama Islam di Wilayah-Wilayah Persekutuan selain daripada kuasa untuk mendaftar. Peluasan kuasa MAIWP tersebut adalah untuk memelihara dan menjamin kebajikan pelajar dan pihak-pihak yang berkenaan.

Selain itu, pindaan kepada Akta 505 ini juga adalah untuk memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong, atas nasihat MAIWP, untuk membuat undang-

undang subsidiari dalam bentuk kaedah-kaedah. Kaedah-kaedah tersebut akan memperincikan dengan lebih luas peranan dan kuasa Majlis dalam mendaftar dan mengawal selia sekolah-sekolah agama Islam. Di samping itu, kaedah-kaedah itu juga akan memperuntukkan bahawa apa-apa perbuatan atau peninggalan yang melanggar kaedah-kaedah tersebut merupakan satu kesalahan yang boleh dijatuhi hukuman di bawah undang-undang. Penetapan kesalahan dan hukuman dalam kaedah-kaedah yang bakal digubal itu adalah perlu bagi memastikan pematuhan terhadap undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang yang bertujuan untuk meminda Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505] mengandungi empat fasal seperti yang berikut.

#### ■1210

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda perenggan 7(2)(f) Akta 505 untuk menggantikan perkataan “sekolah Islam” dengan perkataan “sekolah agama Islam” bagi maksud keselarasan.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 97 Akta 505 untuk meluaskan kuasa Majlis untuk juga termasuk kuasa untuk mengawal selia sekolah agama Islam dan bagi maksud melindungi kepentingan orang awam dan pelajar sekolah agama Islam untuk mengambil alih pentadbiran dan menamatkan operasi sekolah agama Islam.

Majlis juga diberi kuasa untuk memasuki dan memeriksa sekolah agama Islam dan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu oleh Majlis bagi maksud memastikan bahawa hal ehwal sekolah agama Islam itu mematuhi peruntukan Akta 505 dan kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Akta 505.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda seksyen 99, Akta 505. Subfasal 4(b) bertujuan untuk memberikan Yang di-Pertuan Agong, atas nasihat Majlis, kuasa untuk membuat kaedah-kaedah mengenai pendaftaran dan pengawalseliaan sekolah agama Islam dan aktiviti yang berhubungan dengan pengajaran dan pembelajaran agama Islam.

Subfasal 4(c) bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu iaitu 19(2) untuk memberikan Yang di-Pertuan Agong, atas nasihat Majlis, kuasa untuk menetapkan kesalahan dan penalti bagi kesalahan itu iaitu denda tidak melebihi RM5,000 atau penenjaraan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dalam mana-mana kaedah yang dibuat di bawah Akta 505.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada sesiapa yang menyokong?

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Dalam senarai saya di sini, ada lapan orang Ahli Dewan Negara yang akan berucap.

Saya minta dahulu, Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris, dipersilakan.

### **12.13 tgh.**

**Datuk Razali bin Idris:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera.

*Alhamdulillah,* saya diberikan peluang untuk berbahas Rang Undang-undang Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2018 untuk yang pertama pada hari ini.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Demi menjamin semua sekolah agama, pusat tahfiz dan tadika Islam di Wilayah Persekutuan berdaftar dan dikawal selia, maka, saya menyokong Rang Undang-undang Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2018. Ini penting kerana Wilayah Persekutuan tidak mempunyai kuasa untuk menutup atau mengawal jika ada masalah, tidak seperti maahad tahfiz di negeri-negeri lain, yang mana di negeri lain ada pihak berkuasa iaitu Majlis Agama Islam di peringkat negeri yang di sebut sebagai MAIN.

Saya mengambil bahagian berbahas dan menyokong RUU ini walaupun saya bukan dari Wilayah Persekutuan. Akan tetapi atas kesedaran bahawa pindaan ini amat perlu kerana di Wilayah Persekutuan sudah jauh ketinggalan. Sebagai contoh, kes liwat di maahad tahfiz di Kepong dan kebakaran di tahfiz di Kampung Datuk Keramat adalah satu detik hitam dalam sejarah sekolah agama Islam di negara kita. Kita masih ingat dengan jelas kejadian berkenaan dan berharap ia sebagai pengajaran kerana bukan sahaja menyebabkan kematian dan mengejutkan umat Islam tetapi sedikit sebanyak menyentuh maruah dan kedudukan Islam di mata rakyat dalam negara kita.

Soalan saya kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri, apakah langkah proaktif kerajaan bagi mengelakkan perkara tersebut berulang kembali? Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya pindaan ini, maahad tahfiz di Wilayah Persekutuan akan lebih mudah mengawal selia bagi menjamin aspek kebajikan dan juga keselamatan negara. Dengan lulusnya akta ini, sudah pasti akan ada jaminan dari segi peruntukan perundangan atau sebarang tindakan bagi menjamin perjalanan dan kecekapan maahad tahfiz tersebut. Saya berterima kasih kepada kerajaan kerana turut memberi perhatian yang serius kepada perkara ini dan melihat kelompongan perundangan sedia ada sangat penting untuk kita atasi.

Kebanyakan pusat pengajian Islam yakni tahfiz, ia diwujudkan dengan perbelanjaan sendiri ataupun ada juga yang mengutip derma dari orang ramai. Bukan setakat di Wilayah Persekutuan, di seluruh negara kita melihat maahad tahfiz dibuat dengan cara begitu daif, tidak kecukupan guru, murid yang datangnya daripada kalangan orang-orang miskin tetapi mereka berminat untuk bersama-sama berjuang dalam agama kita. Menitikberatkan supaya Al-Quran dapat dihafal sebanyak 30 juzuk oleh anak-anak yang beragama Islam.

Jadi, perkara-perkara sebegini dalam pemerintahan baharu saya jangka tidak perlu berlaku lagi. Ini kerana kita sudah bermula dan melihat seperti mana yang kita hendak luluskan pada hari ini iaitu RUU untuk Wilayah Persekutuan. Soalan saya, apakah SOP untuk menubuhkan dan adakah kerajaan menyediakan bantuan asas bagi mereka yang berminat dan mereka juga yang cukup syarat? Oleh sebab kalau kita tengok dari segi penubuhan, ia memang terlampau daif. Untuk mewujudkan sekolah tahfiz, bukan kita boleh buat tangkap muat. Tengok bangunan kosong, kita ambil.

Akan tetapi kalau di sebelah negeri Terengganu, ia tidak buat di bangunan kosong, Tuan Yang di-Pertua tetapi mereka buat di tanah yang didermakan oleh orang kampung. Apabila tanah diberi, maka dia perlu dirikan bangunan, pondok-pondok kecil untuk didiami oleh penuntut ataupun pelajar tersebut.

Justeru itu, saya difahamkan RUU ini ada tambahan bajet, tambahan kewangan. Maka, saya juga mencadangkan supaya tambahan kewangan itu diagihkan sebahagiannya sebagai sumbangan daripada kerajaan untuk penubuhan maahad tahfiz, sebagai asas penubuhan bagi menggalakkan ustaz-ustaz ataupun guru-guru yang berminat untuk mengajar Al-Quran kepada anak-anak kita.

Tuan Yang di-Pertua, hasil daripada pindaan ini sudah pasti banyak pindaan perlu dibuat untuk melonjakkan lagi kualiti maahad tahfiz yang akan

didirikan. Saya berharap pindaan ini akan sealiran dengan maahad tafhiz di peringkat negeri lain selain daripada di Wilayah Persekutuan. Pihak berkuasa iaitu Majlis Agama Islam Negeri yang mempunyai kuasa mutlak untuk menutup dan juga mengawal selia dan memberikan panduan yang sejelasnya kepada mereka, guru-guru yang berminat untuk membina sekolah agama Islam di peringkat negeri dan sebagainya.

**■1220**

Justeru itu, di atas keprihatinan ini, saya secara menyeluruh menyokong akta ini. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris.

Kedua, saya jemput pula Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop, dipersilakan.

**12.20 tgh.**

**Tuan Ismail bin Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua,  
*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaaatu.*

Terima kasih juga kerana memberikan saya peluang untuk turut sama membahaskan Rang Undang-undang Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2018 di Dewan Negara yang mulia hari ini. Sebagaimana yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri dalam pembentangan tadi, rang undang-undang ini bertujuan untuk meminda Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993, [Akta 505] yang mengandungi empat fasal.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan rang undang-undang ini dan sehubungan dengan itu saya ingin mengambil peluang untuk membentangkan beberapa perkara yang sempat saya kutip mengenai dengan isu sekolah tafhiz. Harapan kita ialah mudah-mudahan dengan pindaan ini akan menjadi *benchmark*, kayu ukur yang juga nanti akan menjadi rujukan bagi Majlis Agama Islam negeri-negeri yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, pengajian Islam melalui kaedah tradisional melalui sekolah pondok telah menjadi sebahagian budaya masyarakat Melayu Islam di negara kita. Bahkan, pada hari ini kewujudan maahad tafhiz yang wujud dengan begitu banyak bukan sahaja di Wilayah Persekutuan, tetapi di seluruh negara juga, berasaskan susur galur sejarah negara yang sebelum ini terkenal dengan sekolah pondok seperti mana yang ada di Kedah dan juga di Kelantan.

Pertubuhan sekolah atau institusi tahfiz ini dilihat semakin banyak dan semakin rancak khususnya kepada masyarakat Melayu yang berkemampuan yang dahagakan anak-anak mereka diberikan pengajian Islam yang baik menyebabkan jumlahnya bertambah kewujudan hingga ke kawasan-kawasan bandar.

Pada tahun 2018, dianggarkan statistik daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia menunjukkan terdapat hampir sejumlah 1,000 buah maahad tahfiz di negara ini, namun hanya sejumlah 612 buah sahaja yang berdaftar. Jumlah ini mungkin jauh lebih besar memandangkan kewujudan sekolah-sekolah tahfiz yang tidak berdaftar ini juga banyak.

Oleh itu, apabila tiada kawalan pendaftaran yang khusus, institusi tahfiz dilihat menghadapi pelbagai masalah. Antara masalah yang dihadapi institusi tahfiz termasuklah tidak mempunyai cukup kemudahan asas dan pegawai yang ahli dalam pengurusan pendidikan.

Justeru, hampir di kebanyakan sekolah agama rakyat bergantung sepenuhnya kepada kebolehan, kekuatan dan kemampuan milik masing-masing. Persoalannya Tuan Yang di-Pertua, apakah mekanisme yang dibuat oleh kerajaan bagi memastikan sekolah-sekolah tahfiz ini berdaftar dengan Majlis Agama Islam?

Tuan Yang di-Pertua, mantan Timbalan Perdana Menteri iaitu Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi pada tahun 2018 pernah menyebutkan sebanyak kira-kira sejumlah 400 buah maahad tahfiz swasta di seluruh negara supaya segera didaftarkan institusi mereka ini dengan Jabatan Agama Islam Negeri masing-masing bagi menjaga keselamatan dan kepentingan pelajar-pelajar tahfiz.

Saya percaya tujuan saranan beliau ini penting untuk dilaksanakan supaya pemantauan dan kebajikan terhadap sekolah-sekolah dan institusi tahfiz dapat dilakukan dengan baik. Bagaimanapun kita lihat masih ramai lagi pengusaha-pengusaha maahad tahfiz yang gagal mendaftarkan sekolah-sekolah mereka di bawah kelolaan mereka.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, berapakah jumlah sekolah-sekolah agama Islam yang terdapat di seluruh Malaysia yang berdaftar dan institusi tahfiz yang wujud di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, pada era modenisasi, seharusnya institusi sekolah agama Islam khususnya institusi tahfiz menjadi lebih kreatif dalam menawarkan kursus-kursus yang pelbagai dalam pengajian mereka.

Selain daripada kursus-kursus yang berteraskan mata pelajaran Syariah, Tasawur Islam, Bahasa Arab dan sebagainya, saya percaya tambahan mata

pelajaran yang dianggap sebagai *added value*, dengan izin perlu juga dipertimbangkan. Tidak kira institusi ini milik kerajaan mahupun swasta, menjadi tanggungjawab pengusaha institusi berkenaan untuk berusaha menempatkan diri mereka selaras dengan arus pendidikan semasa.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya suka mencadangkan supaya kursus-kursus yang berkait dengan teknologi maklumat, penawaran khusus bahawa ketiga seperti bahasa Mandarin dan sebagainya seharusnya boleh menjadi nilai tambah di sesebuah sekolah ataupun institusi tahfiz ini.

Pada masa yang sama, sekolah-sekolah yang telah menjadikan *hafazan* Al-Quran sebagai teras pengajian seperti Program *Ulul Albab*, harus dijadikan *benchmark*, dengan izin atau penanda aras kepada sekolah-sekolah agama Islam yang lain, agar sekolah yang menyediakan pengajian Islam sebagai teras utama tidak menjadi fitnah kepada agama Islam. Contoh-contoh kejayaan sekolah seperti sekolah *Imtiaz* di Terengganu, Maktab Rendah Sains MARA, sekolah menengah agama kebangsaan, sekolah menengah agama bantuan kerajaan dan sekolah tahfiz model *Ulul Albab* boleh dijadikan sebagai contoh dan penanda aras bagi pewujudan sekolah-sekolah tahfiz yang lain.

Selain daripada itu, sudah sampai masanya kerajaan memikirkan berhubung dengan penyelarasan kurikulum sekolah agama Islam ini bagi menjadi kualiti dan mutu pengajian Islam termasuk tahfiz. Kerajaan boleh memanggil pakar-pakar penyelidikan Islam untuk membangunkan model kurikulum pengajian secara standard yang boleh diguna pakai secara bersama.

Sumbangan tokoh-tokoh sekolah pondok dan tahfiz untuk berjaya seperti Dato' Dr Afifi al-Akiti, yang merupakan *Fellow Pengajian Islam* di *Oxford Centre for Islamic Studies, University of Oxford* sewajarnya dimanfaatkan kerajaan bagi menyediakan model kurikulum standard ini. Bidang kepakaran beliau dalam teologi Islam, falsafah dan sains dan pada masa yang sama pernah berada di sekolah pondok serta anak Malaysia yang berasal dari Perak ini akan memberikan kelebihan untuk dimanfaatkan tujuannya.

Soalan yang saya hendak timbulkan juga di sini untuk Yang Berhormat Menteri, apakah perancangan kerajaan sama ada pelan jangka pendek mahupun pelan jangka panjang, khususnya bagi menambah baik sistem pendidikan di institusi tahfiz ini. Apakah peluang-peluang untuk pelajar-pelajar dan anak-anak di institusi tahfiz ini untuk melanjutkan pengajian mereka mengikut aliran pendidikan nasional seperti mana pelajar-pelajar yang mengambil Sijil Pelajaran Malaysia?

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong usul pindaan Rang Undang-undang Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2018. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop.

Nombor tiga, saya jemput Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh.

### 12.29 tgh.

**Puan Nuridah binti Mohd Salleh:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaaatuuh* dan salam sejahtera. Terima kasih **Tuan Yang di-Pertua** kerana memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama membahaskan Rang Undang-undang Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2018 pada pagi ini, *alhamdulillah*.

Saya mengambil peluang ini sebagai usaha untuk memperkasakan lagi institusi agama Islam di Wilayah Persekutuan, *insya-Allah*.

### ■1230

Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini ramai ibu bapa yang menghantar anak-anak ke sekolah agama supaya mereka dapat fokus memberi pendidikan Islam secara komprehensif. Ada kajian yang dilakukan ke atas sekolah agama dan hasilnya menunjukkan bahawa institusi agama yang bertujuan mengenal Allah dan segala rukun Islam, iman, ilmu fardu ain dan fardu kifayah mampu mengekang dan membendung gejala sosial meskipun tidak dinafikan masih terdapat segelintir pelajar-pelajar sekolah agama yang turut terjebak dalam isu-isu sosial. Lebih-lebih lagi dalam era globalisasi dan perkembangan teknologi dalam dunia tanpa sempadan ini menyebabkan kerisauan ibu bapa tentang kerohanian akhlak dan pengetahuan agama anak-anak semakin meningkat.

Secara tidak langsung, saya menyokong pengawalseliaan yang ingin diberikan oleh kerajaan terhadap sekolah tahfiz ini dan moja pindaan undang-undang ini bukanlah dijadikan sebagai langkah untuk menghukum sekolah-sekolah tahfiz yang sedia ada. Bahkan pindaan ini seharusnya dijadikan langkah untuk membantu membangunkan sekolah-sekolah tahfiz ini, *insya-Allah*.

Oleh itu, saya mencadangkan agar kerajaan dapat membantu sekolah-sekolah tahfiz yang ingin berdaftar dengan memberi bantuan kewangan dan bimbingan supaya pusat berkenaan dapat memenuhi syarat-syarat pendaftaran. Hal ini kerana berdasarkan maklumat yang diperoleh, kadang-kadang proses

birokrasi yang amat rumit menyebabkan sekolah-sekolah tahfiz ini memilih untuk tidak berdaftar. Di tambah lagi prosedur pendaftaran menelan kos beribu-ribu ringgit.

Contoh, dari aspek keselamatan. Pematuhan terhadap syarat pembangunan ditetapkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat menelan kos yang cukup tinggi sehingga sesetengah pusat tidak berjaya mendapat kelulusan hanya disebabkan kos untuk menyediakan satu *hose reel* dianggarkan menelan kos sehingga RM40,000 untuk satu tingkat. Langsung tidak munasabah bagi sesebuah pusat yang ingin berdaftar untuk mendapatkan bantuan perlu menyediakan beribu ringgit untuk mendapatkan bantuan yang disalurkan.

Tuan Yang di-Pertua, menurut kajian lampau, keberkesanan pendidikan Islam boleh dilihat daripada tiga aspek iaitu penawaran dan pelaksanaan; pencapaian dalam peperiksaan; dan penghayatan dan amalan Islam.

Oleh itu, saya berpandangan undang-undang ini mesti lengkap kitarannya daripada pembentukan undang-undang, tatacara pelaksanaan sama ada dari segi kelulusan dan pengajian tenaga pengajar, insentif atau geran sekolah, pengurusan sekolah, pemantauan aktiviti sekolah dan sebagainya sehingga kepada aspek pemantauan. Jika tidak lengkap, saya berpendirian rang undang-undang ini masih belum kondusif untuk dilaksanakan kerana tidak lengkap kitaran ini.

Umat Islam di Wilayah Persekutuan juga berdepan dengan isu sekolah rendah agama yang tidak cukup untuk menampung kebanjiran pelajar yang mahu belajar di sekolah agama di samping gaji guru agama yang sedikit. Guru yang mengajar agama hanya berstatus eluan sahaja dan tiada sekolah aliran agama di Wilayah. Saya meminta perhatian Menteri untuk menyelesaikan permasalahan ini.

Sebelum ia dilaksanakan, kaedah atau mekanisme pelaksanaan sistem pendidikan berkesan perlu diperincikan kerana pindaan ini tidak jelas bentuk bagaimanakah institusi pendidikan Islam ini dapat diperkasakan. Misalnya, apakah kriteria maksimum yang memutuskan tahfiz atau sekolah agama patut ditutup oleh majlis agama Islam negeri?

Sepertimana yang kita tahu, sekolah persendirian misalnya mempunyai banyak cabarannya. Saya memohon agar kerajaan menjadi pemudah cara supaya niat asal penubuhan institusi agama untuk mendidik anak bangsa melalui pelbagai inisiatif dan pertimbangan dan memastikan institusi sebegini semakin kukuh tidak menjadi hanya fokus untuk tutup sekolah apabila peraturan tidak dapat dipenuhi.

Sejumlah RM50 juta belanjawan sekolah tahfiz, misalnya kalau kita bahagi sama rata, sebenarnya tidak banyak kerana kos pembinaan dan *maintenance*

semakin mahal. Jika JAKIM dan institusi yang berkaitan yang memilih sekolah mana yang layak, berkemungkinan ada sekolah yang tidak mendapat bantuan. Jadi, apa akan jadi kepada sekolah yang tidak mendapat bantuan ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya membaca jawapan Menteri di Dewan Rakyat tentang usaha peningkatan keupayaan KAFA bagi menggunakan premis-premis sekolah kebangsaan. Saya meminta ia disegerakan. Saya memohon agar peruntukan untuk pengajian guru KAFA ditingkatkan.

Dalam konteks pembangunan modal insan, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan menyediakan pendidikan Islam berkualiti bagi peringkat pendidikan melalui 77 sekolah rendah agama, 115 sekolah KAFA dan empat sekolah integrasi rendah agama di ketiga-tiga wilayah iaitu Kuala Lumpur, Putrajaya, dan Labuan. Manakala bagi peringkat prasekolah, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan menyediakan 81 taman didikan kanak-kanak.

Saya ingin tahu, berapa sekolah yang sudah berdaftar dan yang masih belum berdaftar dengan MAIWP sekarang? Apakah syarat-syarat dan kriteria yang perlu dipenuhi sebelum berdaftar?

Seterusnya di bawah fasal 4, saya ingin meminta perhatian Menteri untuk membina sekolah menengah agama di seluruh tujuh zon pentadbiran Jabatan Agama Islam Wilayah. Sehingga kini, tiada satu pun sekolah menengah agama di Wilayah. Perkara ini amat menyedihkan. Kita melahirkan 6,000 orang pelajar lulusan sijil PSRA daripada 73 buah sekolah rendah beraliran agama di seluruh Wilayah Persekutuan dan sebahagian besar dari mereka adalah pelajar-pelajar cemerlang akademik dan agama. Setelah tamat sekolah rendah, bagi yang meminati bidang agama, di mana mereka mahu sambung untuk di Wilayah Persekutuan? Jadi pendidikan agama Islam di Wilayah Persekutuan tiada kesinambungan. Saya meminta Menteri untuk mengusulkan perkara ini. Kita mahu, *insya-Allah*, melihat ada kesinambungan pendidikan generasi rabbani di Wilayah.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, sebagai penutup, saya ingin meminta perhatian semua sekiranya semua masih ingat dengan senarai 402 buah sekolah yang terlibat dengan masalah disiplin dan mempunyai isu dadah pada tahun 2017, di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sahaja terdapat 22 sekolah di Wilayah Persekutuan disenaraikan sebagai *hotspot* bagi isu dadah dan disiplin. Saya dengan sepenuh hati mencadangkan agar kementerian menyemak semula keberkesanan pengajaran dan pendidikan Islam di sekolah-sekolah berkenaan

dengan kerjasama Kementerian Pendidikan. Sekian sahaja perbahasan saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator Hajah Puan Nuridah binti Mohd Salleh.

Sekarang dijemput tokoh pendidik kita, Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah, dipersilakan.

### **12.38 tgh.**

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Terima kasih. Yang saya hormati dan kasihi Tuan Yang di-Pertua. Saya mengikuti idea-idea yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya cuma hendak memberi sedikit tambahan.

Pertamanya, ingin saya tegaskan di sini, setelah meneliti matlamat rang undang-undang ini, bahawa saya sangat bersetuju dengan pihak kerajaan. Melalui rang undang-undang ini, pihak kerajaan dapat memantau pelaksanaan seperti yang tercatat dalam rang undang-undang bahawa Majlis hendaklah mempunyai kuasa untuk dan mendaftar selia sekolah agama Islam dan maksud melindungi kepentingan orang awam dan pelajar sekolah agama Islam dan seterusnya.

Ini kerana seperti yang dikatakan tadi, pada hari ini kita mempunyai agak banyak sekolah agama dan pusat tahfiz yang berdaftar...

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tunggu sekejap. Ada sikit.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Bukan soalan, Yang Berhormat. Ada pengumuman sikit.

Bersama-sama kita adalah Tuan Yang Terutama- *Ambassador Park Robyug, Secretary General International Conference of Asian Political Parties*, tetamu saya. Terima kasih. Selamat datang. *Welcome to Kuala Lumpur... [Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila. Baik, terima kasih. Selamat datang.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Tuan Yang di-Pertua, bahawa kita tidak boleh nafikan sekolah agama Islam dan pusat tahfiz di negara ini, pada saya, cukup penting. Peranan mereka penting kerana bukan sahaja mereka dapat membantu anak-anak kita generasi muda di dalam pembentukan akidah tetapi juga merasakan mereka juga seharusnya dapat

membantu segi modal insan dan juga pembentukan masyarakat yang kita rasa dapat membantu keharmonian dan perpaduan negara pada hari ini.

■1240

Pusat tahfiz dan sekolah agama. Kebelakangan ini, kita melihat dan mendengar banyak sentimen ataupun persepsi yang negatif terhadap mereka. Misalnya dikatakan mereka mempunyai infrastruktur yang cukup daif. Ya, kita tahu kebelakangan ini banyak sekolah-sekolah yang terbakar di mana anak-anak kita yang tidak berdosa terkorban. Infrastrukturnya daif, masalah-masalah sosial juga dikatakan sedemikian.

Pandangan-pandangan negatif yang seolah-olah kumpulan ini kalau mereka yang kuat agama, mereka akan mewujudkan kumpulan-kumpulan ekstremis militan seperti yang biasa kita dengar tohmann-tohmann kewujudan Taliban, ISIS dan lain-lain. Ini saya rasa negatif. Ini merupakan persepsi yang jahat pada pandangan saya.

Pengalaman saya, baru-baru ini saya berkesempatan semasa Hari raya Haji ke *Cambodia*, saya perhatikan orang Malaysia- kita dengan ikhlas membantu masyarakat Islam di *Cambodia*, Vietnam dan di tempat lain terutama sekali semasa menyambut Hari raya Haji. Di samping mereka menderma, bersedekah dan lain-lain, mereka juga membantu mewujudkan sekolah tahfiz, sekolah agama.

Saya berkesempatan berbincang isu yang penting dengan *Ambassador* pada ketika itu- ya, saya hendak kaitkan dengan masalah kita dalam tajuk kita pada tengah hari ini, iaitu apabila saya perhatikan suasana di sana, kita dengan ikhlas dengan membawa duit yang cukup banyak, membantu masyarakat Islam di sana tetapi persoalan saya, kita hanya mengajar mereka bidang-bidang agama dan mendidik mereka supaya menjadi *hafizan*.

Saya soal selepas itu *what is next- what is next?* Saya diberitahu tidak ada pengajaran daripada segi akademik, bahkan tidak ada aspek-aspek kemahiran vokasional, teknikal, bidang perniagaan yang boleh membantu anak-anak tahfiz ini, anak-anak sekolah agama ini apabila mereka telah lulus, mereka boleh keluar dan bekerja.

Jadi apa yang berlaku di tempat yang saya pergi ini, saya tanya masyarakat di sana budak-budak ini selepas itu tidak ada. Habis di situ sahaja. Mereka menjadi *hafizan*, mereka belajar agama dan tidak ada pekerjaan dan hidup mereka saya rasa akan terus menerus selama-lamanya seperti ibu bapa mereka. Akan tetap miskin dengan keluarga yang keadaan rumah, ekonomi yang cukup daif, cukup daif. Ini saya fikirkan, saya tidak mahu berlaku perkara ini di negara saya.

Saya hendak anak-anak tahfiz ini bukan sahaja kita melatih mereka menjadi seorang insan yang kuat agama, akidahnya tetapi juga mereka bersedia untuk menjalani kehidupan mereka di dunia ini, dunia dan akhirat.

Saya mengambil kesempatan mengharapkan pihak kerajaan mengambil kesempatan untuk memperbaiki, memperkuatkannya sekolah tahfiz dan sekolah agama ini bukan sahaja daripada segi aspek pendidikan, kurikulumnya, bukan sahaja dari segi aspek keselamatannya tetapi juga membantu anak-anak ini menjadi manusia yang lebih berguna pada masa-masa hadapan.

Mereka patut dibimbing daripada segi hala tuju mereka yang mempunyai kedudukan dan pendidikan yang baik, mereka harus dibimbing supaya berjaya memasuki ke tahap pendidikan yang lebih tinggi, ke universiti seperti yang kita lihat pada hari ini ramai anak-anak kita yang sampai ke tahap itu walaupun mereka golongan agama, *hafizan* tetapi mereka menjadi seorang bahkan saya diberitahu seorang nuklear-fizik pun ada. Ini boleh dibuat tetapi tidak ramai. Itu mereka yang mempunyai kedudukan akademik yang baik, yang kurang baik sekurang-kurangnya mereka mesti mempunyai kepakaran-kepakaran kehidupan untuk hidup seterusnya. Kita melatih mereka bidang-bidang vokasional, teknikal, menjadi bahkan *wireman*- yang *simple* lah.

Saya mencadangkan kepada *Ambassador*, benda yang sama hari itu iaitu budak-budak ini di samping menjadi *hafizan*, mereka hendak hidup hendak mencari duit, latih mereka.

Bahkan saya juga saya ingin mencadangkan sekolah tahfiz, kalau tidak di peringkat yang rendah saya katakan tadi, kalau mereka tidak berpeluang ke tahap yang lebih tinggi daripada aspek pelajaran mereka, latih mereka menjadi peniaga, contohnya. Bahkan dalam Islam pun, sembilan daripada 10 rezeki datangnya daripada perniagaan.

Jadi budak-budak tahfiz ini di samping *hafizan*, mereka juga boleh mencari rezeki yang halal. Maka Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perkara ini penting...  
[Disampuk]

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Mohon mencelah Yang Berhormat Senator.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Ya.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah.

Sekali ini saya mencelah bab tahfiz ini. Yang Berhormat Senator, kalau kita mencadangkan kepada kementerian ataupun kerajaan sebab Yang Berhormat

Senator sebutkan tadi anak-anak kita ini tidak ke mana apabila dia memasuki tahfiz ini kerana terlalu banyak tahfiz, berselerak dalam Kuala Lumpur ini sahaja berselerak. Di kampung saya pun yang kecil itu ada empat tahfiz. Jadi contoh apabila musim raya, mereka selalu *approach* kita- *the company owners and all that*, minta sedekah sana sini untuk moreh dan sebagainya.

Jadi cadangan kita kalau kita cadangkan kepada kerajaan, apakah pandangan Yang Berhormat Senator sekiranya kerajaan melihat kepada mereka ini supaya disatukan. Kita amal- ‘*gemitikan*’ tahfiz-tahfiz ini kemudian kita besarkan mereka sebab mereka ini ada asrama masing-masing tetapi tidak terjaga kerana banyak sangat. Kita pun yakin dengan kerajaan bahawa kerajaan hendak membantu tetapi oleh sebab terlalu banyak dan ada politiknya masing-masing, maka terjadilah apa yang berlaku sekarang ini.

Jadi kalau kerajaan mengambil satukan mereka ini. Contoh kalau di kawasan Ampang itu ada 15 pusat tahfiz, kita satukan mereka, jadikan satu institusi, kita masukkan TVET dan sebagainya seperti mana Yang Berhormat Senator cadangkan tadi.

Kalau kita tengok masalah sosial Yang Berhormat Senator sebut, saya ada detil nya Yang Berhormat Senator. Pada tahun 2011, guru agama liwat pelajar 13 tahun, Kuala Terengganu. Pada tahun 2011, tiga *senior* liwat paksa, seks *oral* kepada *junior* berusia sembilan tahun di sekolah tahfiz Baling, Kedah. Pada tahun 2019, 10 pelajar tahfiz diliwat oleh penaja pusat tahfiz di Kuantan, Pahang. Pelajar tahfiz diliwat hingga pecah usus oleh mudir tahfiz. Pelajar tahfiz diajak mandi bersama mudir. Pelajar tahfiz diajak beronani dengan mudir. Rakan sepusat tahfiz mengamalkan gejala homoseksual. *All this is happening*, dengan izin, oleh sebab tidak ada kawalan yang khusus, yang boleh dibuat, yang boleh dipantau oleh kerajaan.

Jadi, apa pandangan Yang Berhormat Senator kalau kita satukan mereka ini. Kita ada kuasa, kita boleh buat dan kita *stop-kan* lesen-lesen baru yang hendak dikeluarkan. *Hold on first*. Kita cuba cara kita begini supaya dapat membantu pusat-pusat tahfiz ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Nuridah binti Mohd Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, boleh tidak saya mencelah sedikit.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Sila.

**Puan Nuridah binti Mohd Salleh:** Okey, saya hendak tanya. Saya ingat Yang Berhormat Senator Dato' Suhaimi, dengan kata-kata pelajar tahfiz ini tidak

ke mana, saya ingat kena bercakap itu- saya rasa itu kena ini sedikitlah sebab pengalaman saya... [Disampuk]

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Saya sentuh bukan daripada segi *hafazan* nya, bukan. Akan tetapi dari selepas itu- kita tahu yang baru ini arwah al-Hafiz- tahfiz kita yang terkenal, *advisor to Agong* dan sebagainya. Yes, akan tetapi yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator tadi itu tidak ke mana maksudnya daripada segi selepas itu. Kepakaran daripada segi lain yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Senator tadi.

*He can be a nuclear physicist. At the same time, he can be a Tahfiz. This is what we want.* Saya dalam dada ini, saya pergi tidur dengan dia orang dan ada anak-anak tahfiz yang menagih dadah. Itu yang kita sedih sebab saya kata itulah tidak ada kawalan yang khusus...

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Okey [Ketawa]

**Puan Asmak binti Husin:** Boleh saya mencelah? Saya minat apabila berbincang tajuk ini.

Yang Berhormat Senator, bersetuju kah kalau Yang Berhormat Senator Dato' Suhaimi, Yang Berhormat Senator Tan Sri, dan juga Yang Berhormat Senator Puan Nuridah bahawa kita mesti mempunyai satu dasar yang menggalakkan dua aliran.

Macam contoh kita di Kelantan, kita ada Yayasan Islam Kelantan yang menjaga 90 lebih buah sekolah maahad, kita panggil. Sekarang kita semua letakkan di bawah satu nama "maahad" tetapi maahad ini ia ada pelbagai aliran dan syaratnya mesti ada dua aliran. Akademik pun belajar, agama pun belajar. Macam saya daripada aliran maahad.

Sekolah saya ditubuhkan tahun 1957 dan kami terdapat dalam pelbagai bidang sebab kami juga belajar akademik dan kami juga belajar agama.

## ■1250

Setiap tahun kami mesti periksa 18 subjek, ataupun 21 subjek. Jadi apabila sampai peringkat SPM, kami hanya kena belajar untuk 10 subjek. Jadi ia memberikan kelebihan kepada kami untuk mendapatkan *straight A's* sebab sudah biasa dengan 18 dan 21 subjek.

Jadi saya rasa apa kata- adakah bersetuju Ahli Yang Berhormat semua kalau kita membuatkan satu dasar untuk menggalakkan supaya dwi aliran ini dijadikan sebagai dasar di Malaysia? Oleh sebab contoh sudah banyak, di Kelantan sudah ada. Selepas tahun 2008 pun kita ada contoh di Selangor.

Macam sekarang di Kelantan kita ada Maahad Tahfiz- Sains. Adik saya ialah merupakan *batch* pertama dan sekarang sudah bertugas sebagai doktor, *best student* juga. Jadi maknanya benda itu boleh dibuat tetapi mungkin dasarnya perlu diperbetulkan. Sekian, terima kasih.

**Puan Nuridah bt Mohd Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan itu kena jawab kah? Oleh sebab sebut nama saya tadi kan.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan ulas sikit. Kalau tidak, saya tidak habis berucap.

Saya faham isu ini memang sensitif yang sebenarnya tetapi mula-mula saya cakap tadi saya memang menyokong ini. Oleh sebab saya percaya *it is the best time. Personally*, saya tidak bagi contoh di Malaysia sebab saya takut orang marah. Saya bagi contoh di *Cambodia* tadi itu. Itu pengalaman saya sendiri di mana saya sampai berbincang dengan *Ambassador*, saya kata saya tidak setuju macam ini. Bahkan saya kata kalau ada orang Malaysia hendak datang, ini mesti syaratnya.

Oleh sebab kalau kita biarkan budak-budak ini setakat itu sahaja jadi *hafizan*, tidak ada benda pun. Betul dia berjaya jadi *hafizan*, dia *insya-Allah* masuk ke syurga tetapi di dunia macam mana? Hendak makan pun susah, semua susah. Hendak kahwin pun isterinya yang *comeil lote* itu pun jadi miskin. Jadi maksudnya saya tidak setuju secara peribadi. Maksudnya saya tidak mahu perkara itu berlaku di negara saya.

Saya berbangga dengan Yang Berhormat Puan Asmak contohnya, pensyarah saya di UiTM, ini yang saya hendak lihat. Seorang yang kuat agama, seorang *hafizah* saya percaya tetapi juga menjadi seorang akademik yang cukup baik. Itu yang saya hendak. Dari segi ia punya modul itu mesti betul. Jadi saya merasakan memang *timely* macam cadangan Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Suhaimi tadi, kita ambil kesempatan Yang Berhormat Dato' ya. Kita ambil kesempatan betulkan balik. Kita mengakui kelemahan-kelemahan yang lama, kita mengakui.

Kita hendak betulkan sebab kita memikirkan ini anak-anak kita. Kita juga tidak mahu melihat, tidak mahu mendengar persepsi negatif terhadap budak-budak agama. Berbagai-bagai seperti tadi masalah sosial, kita hendak *stop*. Jadi ini hanya boleh dilakukan dengan pemantauan, dengan kawalan yang betul, yang ikhlas.

Akan tetapi saya minta jangan jadi politik pula, kita tidak mahu. Betul-betul ikhlas kerana agama bukan kerana politik. Ini bab agama. Bantu anak-anak ini

supaya mereka ini dapat menjadi manusia yang berguna dunia dan akhirat. Itu yang saya katakan tadi saya bersetuju.

Saya ingin menjelaskan bahawa kita tidak mengatakan budak-budak ini tidak ada, tidak- *we don't say that*. Kita mengatakan tadi bahawa dua aliran tadi penting. Budak-budak ini kita bagi dia *choice*.

Keduanya, budak-budak juga kita bagi peluang yang mana berjaya akademiknya kita bantu iaitu dengan adanya rang undang-undang ini, dengan sesi kebajikan mereka, kewangan atau biasiswa. *I mean* kita kena fikirkan bersama. Selepas ini saya minta pihak kerajaan duduk betul-betul fikirkan macam mana hendak bantu budak-budak yang ada kebolehan. Budak-budak yang kurang sikit, jangan biarkan di situ. Itu saya cadangkan TVET, kemahiran perniagaan tadi itu.

Saya masih ingat dulu Al-Arqam, saya pernah masuk kawasan Al-Arqam satu masa melihat apa yang mereka buat. Mereka cukup berjaya dari segi perniagaan Tuan Yang di-Pertua, cukup berjaya. Maksudnya budak-budak kita ini mungkin kalau dia tidak mahu kemahiran yang lain, kita *train* mereka menjadi ahli perniagaan. Buka sebuah *business* jual mi kah, jual tauhu kah. Sekurang-kurangnya mereka boleh *survive*.

Berniaga bermaksud berniaga macam itu, bukan bermiaga minta sedekah. Saya terus terang saya tidak setuju. Pergi ke stesen minyak, budak-budak umur dalam 14 tahun, *beautiful young girl*, pukul 12 malam. Dia minta sedekah pada saya, saya turun. Saya kata minta IC tengok? Apa *you* buat pukul 12 malam? Dia cabut lari. Masalahnya...

**Puan Nuridah binti Mohd Salleh: [Bangun]**

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:**

Maksudnya bayangkan anak kita yang umur macam ini dibiarkan menjual barang-barang, mungkin mereka digunakan. Oleh sebab itu saya katakan tadi, ada pelarasan pihak kerajaan pantau. Mana kita rasa memang boleh ikhlas untuk kepentingan agama dan negara kita bagi.

Akan tetapi yang ada selindung di balik batu, bermiaga bukan-bukan, gunakan anak-anak yatim ini jadi peminta sedekah, *I'm so sorry. That one I cannot accept*. Ini saya katakan tadi saya menyokong. Saya menyokong dan saya cukup setuju apa yang dicadangkan oleh sahabat-sahabat saya tadi, kita kumpulkan. Supaya kita dapat pantau dengan lebih efektif, dengan lebih cekap.

Maka saya harapkan Tuan Yang di-Pertua, memang inilah langkah yang cukup baik. Saya sokong sepenuhnya dan cuma saya harap pihak-pihak yang

berkenaan jangan gusar dan jangan kecil hati. Saya tahu ada orang yang akan marah tetapi kita fikir *in the future*. Kita pandang ke hadapan.

Saya percaya kerajaan ikhlas dan kalau ini dibuat dengan ikhlas tanpa gangguan-gangguan politik, menyalimi kumpulan-kumpulan tertentu, *insya-Allah* perkara ini akan berjaya. Sekian, dengan itu saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah. Nampaknya masa Yang Berhormat berucap tadi, nampak Yang Berhormat Menteri kita mencatat sahaja. Makna dia tengah mencatat ya. Terima kasihlah ya.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad.

#### **12.56 tgh.**

**Datin Rahimah binti Haji Mahamad:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas keizinan untuk saya membahaskan Rang Undang-undang Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2018.

Tahniah dan terima kasih saya kepada Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri, JAWI dan JAKIM kerana meminda akta ini bagi memantapkan urus tadbir institusi sekolah-sekolah agama Islam di Wilayah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, sudah tiba masanya kerajaan mengambil langkah serius operasi sekolah-sekolah agama Islam milik institusi NGO atau persendirian, dikawal dan diselia mengikut tertib siri perundangan negara selaras dengan agama Islam sebagai agama rasmi bagi Persekutuan Malaysia.

Justeru, pindaan ke atas Rang Undang-undang Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2018 ini semestinya menjadi tetapan kerangka perundangan berkanun yang perlu di selaras dengan semua enakmen pentadbiran Islam di semua Majlis Agama Islam Negeri bagi mengurus dan mengawal operasi sekolah-sekolah agama Islam lebih terarah.

Tuan Yang di-Pertua, isu sensitif yang melanda institusi pendidikan atau sekolah Islam ini adalah terjadinya kes-kes memanipulasi aktiviti pelajar-pelajar bagi menjana pendapatan institusi ini dengan menjadikan ibadah sebagai satu strategi bagi mendapat sumber kewangan. Eksloitasi terhadap pelajar ini bukan

sahaja tertumpu kepada aktiviti memungut derma dan penjualan wakaf al-Quran atau jualan lantai madrasah ataupun kelas tahfiz.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita khuatir ada sesetengah pihak memperalatkan pelajar-pelajar ini untuk mencari keuntungan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah tadi. Jadi kita kena ingatlah pesanan Allah SWT dalam ayatnya... *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* Antaranya bermaksud, mereka itulah yang memberi ataupun mengutamakan kehidupan di dunia dengan kehidupan di akhirat.

Tuan Yang di-Pertua, eksplorasi dan manipulasi kanak-kanak ini untuk mendapat sumber pendapatan bagi sekolah-sekolah agama merupakan satu kesalahan di bawah seksyen 32, Akta Kanak-kanak 2001. Justeru dengan pindaan akta ini, adalah diharapkan agar kerajaan lebih *affirmative* dalam obligasi terhadap jagaan kanak-kanak di sekolah-sekolah agama Islam. Persoalan yang ingin saya kemukakan...

**Puan Asmak binti Husin:** Assalamualaikum, mohon pencerahan Yang Berhormat Datin Rahimah binti Haji Mahamad.

Saya ingat yang disebutkan sebagai memanipulasikan kanak-kanak dan kaitkan dengan sekolah tahfiz apabila kita *check* sebenarnya- sebab saya biasa mendengar pengurusan sekolah-sekolah tahfiz, sebenarnya yang terlibat dengan kutip sedekah dan sebagainya itu apabila kita *check* mereka ini kadang-kadang baca *Al-Fatihah* pun tidak boleh.

Maksudnya dia menggunakan nama tahfiz tetapi sebenarnya bukan pelajar tahfiz pun. Ini kerana kalau pelajar tahfiz yang *genuine* ini, biasanya mereka kena duduk dan belajarlah. Jadi, mungkin kita kena betulkan sikit persepsi itu. Sekian, terima kasih.

**Datin Rahimah binti Haji Mahamad:** Ya, saya bersetujulah dengan Yang Berhormat Senator Puan Asmak sebab saya sendiri pernah berjumpa dengan pelajar-pelajar ini, mereka menunggu di luar bank. Apabila saya tanya, ini hendak jual wakaf al-Quran, hendak jual itu dan ini. Apabila saya tanya, mereka ini- dia sebutlah dari sekolah agama sekian, sekian, sekian. Jadi itulah.

Jadi, persoalan yang saya ingin kemukakan kepada Yang Berhormat Menteri, sejauh manakah kerajaan dapat memberi satu jaminan agar kerangka kawalan terhadap urus tadbir sekolah-sekolah agama Islam ini mematuhi semua ketetapan dalam Akta Kanak-kanak 2001?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat panjang lagi? Kita tangguh sekarang, kita sambung balik semula ya.

**Datin Rahimah binti Haji Mahamad:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kita sambung selepas rehat. Jadi Ahli Yang Berhormat, sekarang jam sudah pukul 1 petang. Sekarang saya tangguhkan mesyuarat hingga jam 2.30 petang. Sekian, terima kasih.

*[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.01 tengah hari]*

*[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]*

■1430

*[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

**2.30 ptg.**

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Seperti yang saya janjikan tadi minta Yang Berhormat Senator Rahimah menyambung ucapannya. Dipersilakan.

**Datin Rahimah binti Haji Mahamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sambung sedikit sahaja lagi. Bagaimanakah kerangka kawal selia yang bakal dikuatkuasakan agar semua sekolah-sekolah agama Islam mematuhi semua perundungan statutori Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pindaan fasal 4 kawalan dan seliaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran agama Islam amat penting agar lepasan sekolah-sekolah agama ini dapat meneruskan pengajian di peringkat tertinggi di IPTA atau institusi latihan kemahiran.

Oleh itu, saya ingin penjelasan kerajaan sejauh manakah kerajaan merangka strategi agar semua aktiviti pengajaran dan pembelajaran sekolah-sekolah agama Islam diselaraskan dalam satu kurikulum agama Islam kebangsaan yang mematuhi ketetapan Akta Pendidikan 1996.

Bagaimana pula dengan skim akreditasi dan pengiktirafan persijilan? Apakah kerajaan akan memastikan lepasan sekolah-sekolah agama Islam ini mempunyai tahap kelulusan yang setaraf dengan peperiksaan awam seperti SPM dan STPM atau diploma?

Bagaimana pula kawal selia bagi tenaga pengajar dan apakah perlu diwujudkan satu kumpulan wang amanah bagi memastikan wang zakat atau sumbangan orang ramai diurus bagi menampung keperluan emolumen guru-guru sekolah agama Islam ini? Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih banyak Yang Berhormat. Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff. Tidak ada?

*Alright, saya jemput Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhammad bin Mustafa. Sila Yang Berhormat.*

### 2.35 ptg.

**Tuan Haji Muhammad bin Mustafa:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh... [Membaca sepotong doa]*

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kerana diberi peluang untuk turut serta membahaskan suatu akta untuk meminda Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993.

Saya mengambil kesempatan petang ini untuk mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada kerajaan di atas keprihatinan terhadap pendidikan Islam dan juga sekolah-sekolah agama.

Saya menyokong penuh pindaan ini dibuat dengan tujuan untuk meluaskan kuasa Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan bagi mengawal selia sekolah agama Islam bagi melindungi kepentingan orang awam dan pelajar sekolah agama Islam dengan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu oleh Majlis bagi memastikan hal ehwal sekolah agama Islam ini mematuhi peruntukan Akta 505 dan kaedah-kaedah yang dibuat di bawah akta ini.

Pindaan akta ini juga bertujuan untuk memberi kepada Yang di-Pertuan Agong kuasa atas nasihat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan untuk membuat kaedah-kaedah mengenai pendaftaran dan pengawal seliaan sekolah agama Islam dan aktiviti-aktiviti yang berhubung dengan pengajaran dan pembelajaran agama Islam serta hal-hal yang berkaitan dengan akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita sudah mendengar banyak ucapan dan cadangan-cadangan daripada Yang Berhormat yang berucap sebelum ini. Saya menyokong penuh apa yang dikemukakan itu. Sudah sampai masanya sekolah-sekolah agama Islam Wilayah Persekutuan disatukan di bawah satu akta pentadbiran bagi menyelaraskan kepimpinan pengurusan dan pentadbirannya untuk memartabatkan kewibawaan sistemnya serta memperkasakan jati diri dan keupayaannya di dalam pelbagai aspek agar sesuai keperluan pendidikan agama Islam di abad 21 dan mampu berhadapan dengan berbagai-bagai cabaran dan perubahan zaman.

Nabi SAW pernah bersabda... *[Berucap dalam bahasa Arab]* Maksudnya, Allah merahmati orang yang mengenali zamannya. Kita berada di dalam satu zaman yang mencabar dan pendidikan Islam perlu mempersiapkan diri untuk menghadapi cabaran itu.

Sayyidina Ali *Karramallahu Wajhah* pernah berkata... *[Berucap dalam bahasa Arab]* Antara maksudnya, kebenaran yang tidak bersistem akan dikalahkan oleh kebatilan yang bersistem.

Kita harap dengan pindaan akta ini akan meletakkan sekolah-sekolah agama Islam di Wilayah Persekutuan ke dalam satu sistem pendidikan agama Islam yang berwibawa dan berjasa kepada rakyat dan negara sekali gus berjaya melahirkan generasi pemimpin masa depan serta rakyat dan modal insan yang celik agama dan dunia serta bertakwa kepada Allah.

Kita juga berharap semoga pindaan ini akan membawa suatu perubahan yang besar dan menyeluruh kepada sekolah-sekolah agama Wilayah Persekutuan bukan sahaja di bidang pengurusan dan pentadbiran tetapi sekali gus dari segi kurikulum dan pedagoginya dan juga teknologi pendidikan supaya sekolah-sekolah agama Islam ini menjadi institusi pendidikan agama Islam yang pintar.

#### ■1440

Memandangkan sekolah-sekolah agama Islam biasanya dan kebanyakannya menghadapi pelbagai masalah terutama masalah kewangan, modal insan dan peralatan, maka pihak kerajaan mestilah menolong dan memberikan bantuan secukupnya untuk mematuhi dan memenuhi kriteria dan syarat-syarat yang diperlukan oleh kerajaan dalam sesuatu hal termasuklah juga pendaftaran sekolah-sekolah ini. Kerajaan jangan hanya memerintah dan mengarah serta mengenakan syarat-syarat yang berat dan ketat tanpa memberi pertolongan dan sokongan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mempunyai beberapa soalan kepada kerajaan.

Pertama, adakah kerajaan telah membuat kajian menyeluruh terhadap sekolah-sekolah agama di seluruh Wilayah Persekutuan untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahannya serta masalah-masalah yang dihadapinya?

Kedua, saya juga ingin tahu, apakah agenda dan pelan induk reformasi yang akan dilakukan oleh kerajaan terhadap sekolah-sekolah agama Islam di Wilayah Persekutuan ke arah menjadikan sekolah-sekolah agama ini mampu bersaing pada masa-masa hadapan?

Ketiga, apakah jenis bantuan-bantuan yang telah dan akan diberikan kepada sekolah-sekolah agama di Wilayah Persekutuan ini dan berapakah jumlahnya?

Keempat, adakah kerajaan bercadang untuk menyelaraskan kurikulum dan pedagogi sekolah-sekolah agama ini di seluruh wilayah sesuai dengan keperluan pendidikan agama di abad 21?

Kelima, sejauh manakah usaha kerajaan untuk menyediakan dana wakaf khususnya untuk sekolah-sekolah agama Islam bagi menjamin kelangsungan dan kemajuan sekolah-sekolah ini di masa hadapan?

Tuan Yang di-Pertua, sudah sampai masanya kerajaan perlu memperkemaskan, memperkasakan pendidikan agama Islam kepada rakyat negara ini sesuai dengan Islam sebagai sebuah agama negara demi untuk menyelamatkan rakyat dan negara ini daripada anasir-anasir yang memusnahkan dan menjahanamkan negara di sepanjang zaman seperti gejala sosial, keruntuhan moral, penyalahgunaan kuasa, penyalahgunaan manusia, penyalahgunaan dadah dan lain-lain yang sudah pasti tidak dapat diatasi dan diselesaikan dengan penggubalan dan pelaksanaan undang-undang sahaja, bukan sahaja di Wilayah Persekutuan tetapi di seluruh negara.

Rakyat dan negara ini pernah diperkenalkan dengan Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dan kemudian Dasar Islam *Hadhari* oleh kerajaan lama. Kerajaan baharu sekarang telah mengemukakan dasar Islam yang baharu iaitu dasar *rahmatan lil alamin* dan *maqasid syariah*. Soalannya, sejauh manakah dasar ini diberi faham kepada semua pemimpin dan rakyat di negara ini dan diberi pendidikan sewajarnya ke arah menjayakan dasar ini? Apakah kajian yang dibuat oleh kerajaan mengenai pelaksanaan dasar ini?

Apakah akta khas yang digubal untuk memelihara dasar ini supaya dasar ini dapat memastikan pendidikan agama yang diperlukan oleh rakyat negara ini dapat disempurnakan?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas kejayaan kerajaan mewujudkan Dasar Tahfiz Negara untuk memartabatkan institusi tahfiz al-Quran di seluruh negara. Semoga dengan dasar ini, al-Quran dapat dijaga dan dipelihara bukan sahaja daripada segi *hafazannya*, tetapi juga ilmu-ilmu al-Quran dan penghayatannya.

Walau bagaimanapun, tahfiz al-Quran mestilah dilakukan sesuai dengan tujuan al-Quran itu diturunkan. Al-Quran *nul-Kareem*, mukjizat agung Rasulullah

SAW yang membawa perubahan kepada dunia. Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan kepada institusi tahfiz yang akan dilaksanakan di Wilayah Persekutuan atau di negara kita supaya memastikan bahawa lulusan tahfiz ini benar-benar dapat menghayati ajaran al-Quran yang dihafaznya dan dapat membawa perubahan kepada dirinya, masyarakatnya dan negaranya.

Sheikh Mohammed Al-Ghazali, seorang ulama' yang terkenal menyatakan bahawa, "Seseorang Islam hendaklah menaikkan standard dirinya dan kehidupannya sama dengan standard al-Quran. Jangan menurunkan standard al-Quran itu sama rendah dengan kehidupannya".

Apa yang berlaku kepada lulusan tahfiz yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, di mana mereka itu dibimbangkan tentang masa depannya dan juga peluang-peluang pekerjaannya?

Sebenarnya kalau mereka itu berjaya menghayati ajaran al-Quran, sudah pasti Allah SWT telah memberi jaminan... *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* Maksudnya, sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Quran dan Kamilah yang akan menjaganya. Dengan ini membawa maksud, sesiapa yang menjaga al-Quran daripada segi ajarannya dan amalan-amalannya, sudah pasti dia akan dijaga oleh Allah Taala dalam segi kehidupannya dan mungkin juga masyarakat dan negara yang menjaga al-Quran.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya ingin memberi peringatan kepada pemimpin negara kita supaya jangan pembangunan negara ini hanya diberi tumpuan daripada sudut kebendaan semata-mata. Rakyat merupakan tiang kepada negara. Rosaknya rakyat, maka rosaknya negara. Berjaya ataupun baiknya rakyat, sudah pasti akan membawa kebaikan kepada negara. Kebaikan sesuatu negara sangat bergantung kepada kualiti rakyatnya. Allah SWT berfirman... *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* Antaranya bermaksud, apabila Kami mahu menghancurkan sesebuah negara, Kami memerintah orang-orang yang mewah dalam negara itu supaya mematuhi perintah Allah. Lalu mereka menyeleweng dan melanggar perintah Allah sehingga mereka berhak diambil tindakan oleh Allah. Maka Allah menghancurkan negara itu sehancur-hancurnya. Itulah amaran Allah SWT kepada pemimpin-pemimpin negara dan rakyat di sesebuah negara.

Oleh hal yang demikian, sekali lagi saya memperingatkan supaya pemimpin negara memberi perhatian khusus kepada pembangunan pendidikan agama rakyatnya bagi menyelamatkan negara kita daripada apa yang diancamkan oleh Allah SWT tadi.

Dengan kata-kata itu, saya menyokong pindaan akta ini. Sekian, terima kasih. *Wallahuaklam. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhammad bin Mustafa. Terima kasih. Saya beri peluang, ada lagi yang hendak berucapkah? Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah, ada hendak tambah? Yang Berhormat Senator Datuk Abbas? Beri peluang ya. Okey, semua sudah bercakap ya.

Minta Yang Berhormat Menteri menjawab. Silakan.

#### **2.48 ptg.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Fuziah binti Salleh]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah terlibat di dalam perbahasan berkenaan dengan pindaan rang undang-undang pindaan ini.

Seramai enam orang Ahli Yang Berhormat Senator yang telah berbahas. Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris; Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop; Yang Berhormat Senator Puan Nuridah binti Mohd Salleh; Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah; Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad; dan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhammad bin Mustafa telah membahaskan masing-masing berkenaan dengan kerisauan-kerisauan dan perkara-perkara yang masing-masing ingin bangkitkan. Saya ucapkan terima kasih kepada input yang telah diberikan.

Secara rata saya boleh katakan bahawa kesemua Ahli Yang Berhormat yang telah berbahas ini menyatakan sokongan terhadap pindaan rang undang-undang ini, rang undang-undang pindaan ini, Akta 505.

#### **■1450**

Akan tetapi ada beberapa perkara yang dibangkitkan yang saya kira wajar dan akan saya gulung sekarang ini untuk menjelaskan beberapa perkara tersebut. Perkara yang pertama yang saya ingin ulas ataupun gulung ialah berkenaan dengan kerisauan Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan dengan ke mana hala tuju mereka, pentingnya penyelarasan kurikulum dan juga supaya pelajar-pelajar kita di sekolah-sekolah tafhiz ini tidak ketinggalan. Itu perkara yang pertama yang dibangkitkan.

Saya ingin menjelaskan bahawa kita pihak kerajaan pada hari ini juga turut sama berkongsi kerisauan tersebut. Ini kerana kita tidak mahu anak-anak kita yang menjadi hafiz itu ketinggalan kerana bukan semua yang boleh jadi ulama, bukan semua yang jadi hafiz itu boleh jadi ulama. Bukan semua boleh memasuki kerjaya sebagai seorang ulama.

Kita iktiraf bahawa apabila seseorang anak itu menjadi seorang hafiz, ia memberi tambah nilai kepada beliau di mana sahaja beliau berada. Ini kerana disiplin yang anak ini lalui di dalam menjadi seorang hafiz ini memerlukan dia menumpukan kepada pembelajaran itu yang membuatkan disiplin dia baik. Ini tambah nilai di mana sahaja dia berada, sama ada dia menjadi seorang profesional, seorang saintis dan sebagainya. Ianya sesuatu yang kita iktiraf. Oleh sebab itu, institusi tahfiz ini perlu kita bantu sebaik mungkin dan kita kawal selia sebaik mungkin.

Saya ingin maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat, bahawa pada hari ini ada berapa model sekolah-sekolah tahfiz yang kita panggil— pertama dalam model itu ialah model sekolah tahfiz bersepadu. Model sekolah tahfiz bersepadu ini ialah wujud dalam satu sekolah itu di mana dia belajar tahfiz dan di masa yang sama dia juga belajar akademik. Ini yang seperti Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin katakan tadi. Ini kita panggil tahfiz bersepadu.

Model yang kedua ialah model tahfiz *turah*, di mana dia menghafal dan di masa yang sama dia belajar kitab-kitab, ini kita panggil model tahfiz *turah*. Kita juga ada model tahfiz kemahiran ataupun tahfiz TVET. Jadi, di sini mereka menghafal Quran tetapi pada masa yang sama mereka juga belajar kemahiran macam sekolah vokasional.

Ada tiga model ini di samping kita juga ada tahfiz tradisi. Tahfiz tradisi ini hanya memberi tumpuan kepada *hafazan*. Mungkin ini yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah. Jikalau model begini, mungkin ada kerisauan di kalangan orang ramai dan Ahli-ahli Yang Berhormat, ke mana mereka.

Oleh sebab seperti yang saya katakan di awal tadi, bukan semua boleh meneruskan kerjaya dan kehidupan mereka sebagai ulama. Mereka perlu berkeluarga, mereka perlu berkerjaya, mereka perlu teruskan hidup mereka dalam masyarakat.

Jadi, tanggungjawab kerajaan pada hari ini untuk menyelaraskan kesemua model-model tahfiz ini dan untuk mencari model yang terbaik. Jadi, kita sedang kaji sekarang ini model tahfiz TVET contohnya. Apa ia kemahiran seperti

kemahiran vokasional-vokasional yang ditawarkan. Ini supaya mereka nanti keluar boleh jadi seorang usahawan. Jadi, ini ada beberapa model yang sedang kita kaji.

Tahfiz bersepada ini kita lihat ada banyak model-model yang terbaik yang telah pun ditunjukkan oleh kerajaan, terutamanya seperti Darul Quran, sekolah yang kita kata *Ulul Albab* dan sebagainya. Ini model tahfiz bersepada dan ini yang kita sedang kembangkan di sini. Inilah peranan Majlis Tahfiz Negara yang kita sedang tubuhkan ini di bawah LEPAI.

Jadi, saya harap dengan penjelasan tersebut ia membantu Ahli-ahli Yang Berhormat memahami bahawa mereka tidak ada arah. Maksudnya bukan begitu keadaannya, keadaannya maksudnya mereka mempunyai peluang yang sama juga dengan pelajar-pelajar lain yang berada di sekolah arus perdana. Peluang mereka untuk masuk ke universiti pun juga sama, untuk meneruskan pengajian juga sama seperti para pelajar di dalam pengajian arus perdana.

Seperti yang kita katakan, kita tidak mahu mereka ketinggalan. Oleh sebab itulah amat penting kita menggubal pindaan undang-undang ini supaya kita ada kuasa untuk mengawal selia apa yang sedang berlaku di luar sana. Kita memandang positif tetapi di masa yang sama, kita tidak boleh nafikan bahawa ada segelintir yang mungkin mengambil kesempatan menggunakan nama sekolah tahfiz, menggunakan emosi. Oleh sebab orang ramai ini emosional bila sekolah tahfiz ini, senang beri, minta sumbangan senang beri sebab masing-masing hendak pahala.

Jadi, kita tidak mahu oleh *sebab nila setitik, rosak susu sebelanga*. Kita hendak memastikan bahawa segelintir ini kalaupun ada, harus kita cari jalan bagaimana untuk membendung supaya segala kebaikan yang kita hendak bawa dalam sekolah tahfiz ini dapat kita jadikan ataupun dapat seperti yang kita hasratkan, mereka sebagai pelajar-pelajar masa depan negara ini. Itu perkara yang pertama berkenaan dengan model-model tahfiz, penyelarasan kurikulum dan sebagainya.

Perkara yang kedua yang di bahas ialah berkenaan dengan langkah proaktif kerajaan untuk mengelakkan kejadian yang tidak diingini ini di Wilayah Persekutuan. Saya ingin berkongsi di sini berkenaan dengan kaedah yang kita akan gubal.

Ahli-ahli Yang Berhormat, ia ada beberapa langkah yang agak ketat sebelum penggubalan kaedah itu dapat diguna pakai.

Langkah yang pertama, jawatankuasa teknikal draf kaedah.

Kedua ada konsultasi ataupun rundingan dengan *stakeholders*, pemegang taruh.

Ketiga, bawa semula kepada jawatankuasa teknikal.

Keempat, diadakan dialog dan persidangan dengan negeri-negeri supaya ada penyeragaman dari sudut undang-undang.

Kemudian input itu dibawa sekali lagi kepada jawatankuasa teknikal, selepas itu dibawa kepada Jabatan Peguam Negara, Bahagian Gubalan, Semakan dan Kelulusan.

Selepas proses itu, dibawa kepada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan untuk kelulusan majlis. Minit tersebut diangkat ke Yang Dipertuan Agong dan diberitahu kepada Yang Dipertuan Agong berkenaan penetapan tarikh kuat kuasa dan pewartaan, barulah apabila disetujui dan ditandatangani oleh Yang Dipertuan Agong minit mesyuarat majlis tersebut, barulah diwartakan. Ini diwartakan oleh Jabatan Gubalan, Pejabat Peguam Negara. Ini proses penggubalan kaedah dan kaedah ini ialah satu *subsidiary law*. Undang-undang subsidiari yang membantu kita mengurus tadbir daripada undang-undang tadi.

Jadi, apa yang kita sedang pinda ini Ahli-ahli Yang Berhormat ialah, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *an enabling provision to provide for the kaedah*.

Di tangan saya ini ada draf kaedah yang agak tebal yang melihat kepada aspek-aspek yang dikatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi. Bagaimana kita hendak pastikan kita jaga ketat, bagaimana kita hendak lantik guru-guru dan sebagainya, semua ada dalam kaedah ini.

Bagaimana kita hendak kawal selia, bagaimana berkenaan dengan kumpulan wang sekolah agama Islam, perbelanjaan kumpulan wang, semua ada dalam kaedah ini. Kewangan, pemeriksaan, penguatkuasaan, pengurusan, jemaah pengurusan. Dimasukkan juga saya kira fasal penaziran dan ini adalah kaedah untuk kita mengawal selia sekolah-sekolah agama di bawah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.

Berkenaan dengan status. Status sekolah agama, sekolah agama ini ada beberapa status. Status yang pertama, kita ada sekolah agama rakyat.

Kedua, kita ada sekolah agama negeri. Sekolah agama rakyat ini, ia dikawal selia oleh majlis. Sekolah agama negeri ini dikawal selia oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

#### ■1500

Jadi, sekolah swasta juga begitu. Dia dikawal selia. Sekolah agama swasta bukan di bawah akta ini. Dia bukan dikawal selia oleh Akta 505. Dia dikawal oleh

Kementerian Pendidikan Malaysia. Dia punya kawal selia itu. Oleh sebab itu, isu itu tidak timbul dalam pindaan akta ini dan sebab itu pindaan Akta 505 ini menjurus lebih kepada sekolah tahliz. Sebab selama ini, sekolah tahliz lah yang kita ada sedikit masalah dari segi kawal selianya.

Oleh sebab itulah, di negeri-negeri kita ada enakmen-enakmen. Kalau kita tengok di negeri-negeri ada enakmen-enakmen yang agak komprehensif yang mana apabila berlaku salah laku di negeri-negeri tersebut, pihak penguat kuasa negeri boleh mengelakkan perkara itu daripada berterusan dengan menutup sekolah tahliz tersebut. Ini telah kita lihat bahawa di Pusat Tahfiz Amal di Kedah yang menggunakan pelajar untuk mengutip derma dan dia berselindung di atas nama sekolah agama telah pun dikuatkuasakan untuk ditutup oleh penguat kuasa di Kedah. Jadi ini antara contoh kawal selia dan penguatkuasaan oleh enakmen yang ada peruntukan di bawah enakmen negeri-negeri.

Oleh sebab itu apabila berlaku di Kepong yang seperti disebut tadi kes pelajar diliwat di Kepong dan kes kebakaran di Sekolah Tahfiz Darul Quran *Ittifaqiyah* di Keramat, kita tidak ada kuasa. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan tidak ada kuasa untuk mengambil tindakan.

Jadi, macam kes di Kepong amat sedih kita tengok tetapi kita tidak kuasa di bawah Majlis Agama Islam untuk mengambil tindakan. Hanya pihak berkuasa tempatan sahaja yang ada kuasa untuk menutup premis itu sekiranya dia tidak berdaftar dengan pihak berkuasa tempatan. Itulah undang-undang yang digunakan hari itu dalam kes tersebut. Bukan di bawah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.

Sebab itulah kita rasakan bahawa ini merupakan satu perkara yang amat penting bagi kita. Bukan bersifat untuk mencari salah, bukan bersifat untuk orang kata hendak sengaja-sengaja hendak menutupkan sekolah. Menyusahkan mereka-mereka yang menubuhkan sekolah tetapi untuk dalam konteks kita menjaga kebijakan pelajar, menjaga hasrat ibu bapa yang menghantar anak-anak ke situ dan juga hasrat masyarakat yang mahu melihat sekolah-sekolah ini berkembang dengan baik dan mahu melihat bahawa sekolah ini dapat kita bantu sebaiknya.

Seterusnya berkenaan dengan bantuan untuk mendaftar. Saya ingin maklumkan bahawa pada tahun 2019 ini, ada RM11.8 juta telah diperuntukkan untuk pendaftaran. Untuk pendaftaran dan latihan yang mana insentif pendaftaran *breakdown* itu diberikan sebanyak RM500 ribu dan latihan guru tahliz sebanyak RM4 juta dan per kapita pelajar diberikan sebanyak RM7.3 juta. Ini adalah untuk

membantu sekolah-sekolah tahfiz dalam memberi insentif untuk mereka mendaftar.

Di masa yang sama, Majlis Agama Islam negeri juga apabila ada permohonan daripada sekolah-sekolah tahfiz yang sudah berdaftar. Ini polisi baharu, kerajaan baharu. Kalau dulu, sekolah tahfiz minta sahaja, mungkin Majlis Agama Islam beri. Akan tetapi pada hari ini di bawah Kerajaan Pakatan Harapan kita mensyaratkan daftar dulu dan kita akan bantu. Di bawah Majlis Agama Islam ini, tadi ialah dana daripada *federal* ya, yang untuk mendaftar tadi. Di samping RM25 juta yang diumumkan. Ini RM11.8 juta untuk pendaftaran.

Kita di bawah Majlis Agama Islam juga boleh memberi sumbangan apabila ada permohonan. Akan tetapi di bawah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, antara syarat yang kita letakkan ialah mereka harus mendaftar. Oleh kerana apabila mereka mendaftar baru kita boleh mengawal selia. Kalau mereka tidak mendaftar, kita tidak boleh mengawal selia. Jadi, itu bantuan untuk mendaftar.

Selain itu juga, soalan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhammad bin Mustafa berkenaan dengan dana wakaf. Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Senator bahawa wakaf ini ialah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Setakat ini dana wakaf kalau kita tengok di Malaysia ini, wakaf belum lagi sesuatu yang diperkasakan.

Kalau tengok wakaf di negeri-negeri ada usaha-usaha untuk membangunkan wakaf tetapi orang ramai tidak faham fungsi wakaf. Orang ramai lihat wakaf ini hendak beri tanah untuk buat masjid, untuk buat sekolah, untuk buat kubur, wakaf Al-Quran. Orang ramai belum lagi menjadikan wakaf ini sebagai satu institusi yang masing-masing berebut-rebut untuk terlibat sama.

Jadi, saya ingin maklumkan bahawa *insya-Allah* pada hujung tahun ini pihak kerajaan akan membawa satu rang undang-undang wakaf yang untuk kita bawa ke Dewan Rakyat dan seterusnya diluluskan supaya menjadi model undang-undang wakaf atau wakaf nanti apabila diluluskan boleh mengawal selia pula dan memperkasakan pula institusi wakaf itu untuk membantu sekolah-sekolah.

Memang saya lihat sekolah, hospital, jalan raya, bukan sekolah agama sahaja ya, sekolah kebangsaan pun banyak memerlukan bantuan dan kita sekarang ini hanya berharap kepada bajet kerajaan. Apabila bajet kerajaan itu tidak mencukupi dan selama berapa puluh tahun ini kita lihat sentiasa hospital kita tidak mencukupi bajetnya, sekolah pun tidak mencukupi, jalan raya pun tidak mencukupi. Malah kalau kita tengok di Sabah dan Sarawak, infrastruktur asas seperti air dan elektrik juga tidak mencukupi.

Jadi, tentu sekali instrumen institusi wakaf dan zakat ini perlu diperkasaan. Kita ada Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) yang ditugaskan pada hari ini. Jabatan dah wujud lama tetapi mungkin fungsinya itu tidak kemas sebelum ini. Akan tetapi pada hari ini dikemaskan fungsinya untuk melihat kepada dasar-dasar yang melibatkan wakaf, haji, zakat dan sebagainya.

Jadi kita ke hadapan, memang berhasrat untuk memperkasaan semua institusi-institusi termasuk *Islamic social financing* punya instrumen, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, supaya boleh kita gabungkan dalam satu ekosistem. Hasrat kerajaan pada hari ini ialah untuk mewujudkan satu dasar sosioekonomi dan juga satu *master plan* sosioekonomi yang melibatkan semua instrumen-instrumen ini letakkan dalam satu ekosistem.

Oleh kerana kita lihat pada hari ini sumbangan-sumbangan *one-off* ya, *handout* ini tidak memberikan kesan jangka masa panjang. Kita lihat begitu banyak bantuan yang diberikan dalam Bantuan Sara Hidup, subsidi dan sebagainya berjumlah lebih kurang RM26 bilion setahun yang dikeluarkan oleh kerajaan daripada dahulu dan sehingga sekarang setiap tahun RM26 bilion tetapi kesannya kosong.

Maksudnya dia tidak mampu mengeluarkan asnaf daripada kategori asnaf. Dia setakat memberi dan memberi dan memberi. Maka, kerajaan pada hari ini sedang mengkaji satu pelan induk. Satu *master plan* untuk sosioekonomi umat Islam. Bagaimana kita hendak guna instrumen ini semua. Instrumen zakat, instrumen wakaf dan kita perkasaan dengan akta. Kita jadikan urus tadbir ataupun *governance* itu secara terbaik supaya wujud keyakinan di kalangan orang ramai untuk menyumbang kepada institusi wakaf ini.

Kita harus iktiraf bahawa pada hari ini kalau *endowment* itu ada *tax rebate* tetapi kalau wakaf itu tidak ada *tax rebate*. Ini juga perkara yang kita sedang usahakan untuk mendapatkan *tax rebate* untuk wakaf. Kita bawa akta nanti *insya-Allah*, kita bawa rang undang-undang wakaf, kita bawa usul untuk *tax rebate* wakaf dan dengan itu kita harap Wilayah Persekutuan akan dapat satu model wakaf yang terbaik.

Kita juga dalam rangka sedang melancarkan hospital wakaf dan universiti wakaf di Wilayah Persekutuan supaya jadi model bagaimana hospital wakaf boleh berfungsi, universiti wakaf boleh berfungsi dan seterusnya apabila dana wakaf itu ada, kita boleh bantu sekolah-sekolah juga. Bukan sahaja sekolah, hospital, jalan raya yang kalau kita- ialah saya mempunyai wawasan bahawa kalau kita boleh lihat model bagaimana di negara lain seperti Turki, bagaimana institusi wakaf itu

begitu *establish*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. *Established* dan sehingga 60 peratus daripada dana wakaf.

■1510

Saya tanya kepada apa orang rakyat di Turki, adakah mereka membayar *income tax* dan mereka bagi juga kepada wakaf? Jawapan yang saya difahamkan, di Turki, *income tax* mereka itu ada tulah juga. Akan tetapi, wakaf mereka bagi. Akan tetapi kalau kita, di Malaysia kita ada kita punya ruang untuk zakat dan kita ada ruang untuk membayar *income tax*. Kedua-dua itu wajib.

Akan tetapi, wakaf ini ialah satu institusi kalau kita memperkasakan dan *endowment* juga di sampingnya itu, kita memperkasakan kedua-duanya, ia boleh menjadi institusi yang hebat. *Insya-Allah*. Ianya tidak wajib tetapi orang ramai mahu memberi. Akan tetapi, sebelum itu mesti yakin dengan kredibiliti, integriti, *governance*, tadbir urus itu sebelum mereka boleh memberi.

Jadi, *insya-Allah*, dana wakaf ini, setakat ini, kalau ada, kita ada wakaf pendidikan. Wakaf pendidikan ini, universiti-universiti ada unit wakaf. Ada universiti yang wujudkan unit wakaf, ya. Akan tetapi, di sekolah-sekolah, untuk sekolah, tidak ada secara khusus, ya. Ada dana wakaf pendidikan yang disalurkan semula kepada Kementerian Pendidikan Malaysia atau institusi pengajian tinggi tetapi tidak ada yang khusus untuk sekolah ataupun sekolah agama, setakat ini ya. Jadi, *insya-Allah*, harapan ke hadapan itu, kita bolehlah wujudkan dana wakaf itu untuk membantu sekolah-sekolah agama.

Jadi...

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Mohon mencelah Tuan Yang di-Pertua sebelum Yang Berhormat Menteri terlajak ke tajuk lain.

Terlepas tadi, Yang Berhormat. Yang Berhormat menyatakan bahawa Majlis Agama Islam akan membantu sekiranya mereka ini mendaftar. Sebelum mendaftar tidak akan dibantu.

Yang Berhormat, kadang-kadang apa yang berlaku di luar sana, saya ambil contohlah, seorang kontraktor yang berjaya mendapat satu projek dan ada lebihan keuntungan dan dia menubuhkan yayasan peribadi dan menubuhkan sekolah tahfiz. *It's not a sustainable* disebabkan perniagaan ini tahu saja, kadang-kadang naik, kadang-kadang turun. Jadi, kadang-adang tiga tahun, kadang-kadang menjangkau sampai 10 tahun.

Akan tetapi apabila dia pergi mendaftar, apakah kriteria-kriteria yang dapat diluluskan oleh Majlis Agama Islam, Yang Berhormat Menteri?

Keduanya, soalan saya, Yang Berhormat sebut berhubung dengan wakaf tadi. Negeri Selangor, ia memberikan zakatnya kepada asnaf, anak-anak dadah ini yang di-consider sebagai dalam asnaf. Akan tetapi, sesetengah negeri lain, tidak memberi. Jadi, bolehkah kementerian memberi penjelasan, kenapa sesetengah negeri dibolehkan dan sesetengah negeri tidak boleh? Sedangkan, al-Riqab di Selangor itu memberi peruntukan kepada anak-anak kita yang menderita akibat dadah ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Fuziah binti Salleh:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah berkenaan dengan kriteria mendaftar. Ia ada tiga kriteria iaitu:

- (i) diletakkan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia;
- (ii) diletakkan di bawah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; dan
- (iii) diletakkan di bawah Pihak Berkuasa Tempatan.

Pendaftaran ini lebih kepada aspek keselamatan. Pendaftaran satu-satu sekolah ialah pendaftaran premis di atas aspek keselamatan. Akan tetapi, apabila sekolah itu mendaftar, maka Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan yang kita bahaskan ini, ada, dia tahu kewujudan sekolah itu di situ. Jadi, di situ, apabila kita meminda akta ini dan meletakkan kaedah, ia ada kuasa untuk mengawal selia yang lain-lain, yang kita sebut tadi dari segi kurikulumnya, dari segi pedagoginya, dari segi latihan gurunya, dari segi pensijilannya, pengiktirafannya dan sebagainya.

Jadi sebab itulah, pendaftaran ini, kadang-kadang betul seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator Puan Nuridah binti Mohd Salleh tadi, ianya mahal. Ianya mahal. Oleh sebab itulah kita ada peruntukan untuk membantu pendaftaran. Oleh sebab antara berlakunya kebakaran ialah apabila berlaku litar pintas kerana *wiring* tidak betul. Kemudian, tidak- yang berlaku tragedi sedih kita di Datuk Keramat ya, Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah itu, ianya tidak ada *exit* dan ianya berlaku kebakaran dan tidak boleh hendak menyelamatkan diri, pelajar-pelajar tersebut.

Jadi, aspek keselamatan nombor satu. Itu nombor satu, kita hendak letak anak-anak kita, pastikan aspek keselamatan. Akan tetapi kemudian apabila kita boleh kawal selia, kita boleh tengok semua yang lain-lain tadi, ya, Yang Berhormat Senator. Itu soalan berkenaan dengan kriteria mendaftar.

Berkenaan dengan Asnaf *al-Riqab* ini, sebenarnya Asnaf *al-Riqab* bukan sahaja untuk dadah ya, anak-anak kita yang dadah. Kita juga meletakkan kategori

LGBT juga di dalam *al-Riqab* kerana ini *al-Riqab* ini bermaksud terbelenggu. Mereka terbelenggu di dalam masalah mereka dan mereka tidak boleh keluar. Jadi, ada kategori asnaf ini untuk membantu mereka. Jadi, aspek-aspek ini memang dilaksanakan di Selangor, contohnya.

Akan tetapi, oleh sebab zakat itu, pengurusan zakat itu di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, maka kita tidak boleh memaksa kerajaan negeri lain untuk menggunakan model yang sama. Malah sebab itulah, Wilayah Persekutuan beriltizam sekarang ini, di bawah kerajaan sekarang untuk memastikan bahawa kita mempunyai model yang terbaik. Apabila kita mempunyai model yang terbaik, walaupun kita tidak punya punca kuasa untuk memaksa negeri-negeri lain untuk mengamalkannya tetapi kita punya kemampuan ataupun kebolehan untuk *influence*.

Ya, untuk mengajak sebab di peringkat *Federal*, kita boleh mengajak, kita boleh mempengerusikan mesyuarat penyelarasan dan boleh menampilkan model yang terbaik dan mengajak mereka melakukannya. Kita boleh tengok model yang terbaik dan kemudian negeri-negeri boleh juga kongsi dan kita boleh *influence and motivate* ya, supaya kita selaraskan, kita gunakan model yang terbaik, *best practice* dan sebagainya. Jadi ini yang kita sedang lakukan Tuan Yang di-Pertua pada hari ini. Kita tidak boleh hendak paksa. Akan tetapi *insya-Allah*, apa yang kita sedang lakukan, kita cuba cari model yang terbaik.

Saya hendak kongsi dengan Yang Berhormat Senator berkenaan dengan konsep *Fiqh Muamalat* ialah sesuatu yang tidak *rigid*, ya. Ia boleh berubah mengikut keadaan dan mengikut keputusan-keputusan di peringkat negeri itu. Jadi, contoh ya, saya hendak bagi contoh apa yang berlaku di Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan di bawah Yang Berhormat Menteri. Kita ada konsep *Wakalah* di mana apabila pusat pungutan zakat mengutip wang zakat, pusat pungutan zakat boleh memberi semula balik sejumlah wang zakat itu untuk diagihkan sendiri oleh pembayar zakat. Ini dinamakan *Wakalah*.

Jadi, di Wilayah Persekutuan, *Wakalah* ialah sebanyak 37 peratus, maksudnya apabila seorang doktor pakar contohnya, membayar wang zakat, RM100 ribu setahun. Sebenarnya, doktor pakar membayar lebih daripada itu. Mereka membayar dalam RM200 ribu setahun lebih kurang. Ada yang lebih lagi, ya. Kalau lah *Wakalah* itu diberi balik kepada doktor pakar itu, doktor itu boleh menggunakan wang zakat *Wakalah* tadi untuk dia sendiri memberi dan mengagihkan.

Jadi, di Wilayah Persekutuan, kita sudah pun melantik- Wilayah Persekutuan PPZ telah pun melantik satu agensi hospital untuk memungut zakat bagi pihak doktor-doktor pakar dan kemudian kita memberikan cadangan. Kita mengkaji satu cadangan untuk memberikan *Wakalah* sebanyak 50 peratus dengan syarat *Wakalah* itu diserahkan balik kepada hospital dan hospital itu mewujudkan katil-katil wakaf untuk asnaf.

Jadi, itu sedang kita lakukan di peringkat Wilayah Persekutuan dan kita akan lancar kita- PUSRAWI itu kita akan menjadikan model yang pertama- hospital wakaf. Ya, dengan konsep tadi, dengan konsep zakat tadi, ya dan *Wakalah* yang tinggi untuk memberikan motivasi kepada doktor-doktor pakar ini, memasukkan, membayar zakat kepada Wilayah Persekutuan. Kemudian, *Wakalah* yang lebih kurang 50 peratus dan diletakkan, di *dam* tabung dan tabung itu membantu, ya, katil-katil wakaf dan mungkin membeli instrumen, peralatan di hospital itu untuk membantu asnaf. Ya, dan ini dia yang...

**Datuk Razali bin Idris:** Yang Berhormat Menteri...

**Puan Fuziah binti Salleh:** Kita sedang usahakan.

**Datuk Razali bin Idris:** Saya mencelah sedikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya tadi ada berkenaan dengan bantuan asas penubuhan tahfiz ataupun sekolah pondok. Mungkin dalam kategori sekolah pondok, yang mana hari ini, kalau kita tengok permulaannya agak daif. Soalan saya, apakah kerajaan menyediakan geran ataupun bentuk bantuan persediaan awal pembinaan tahfiz ataupun sekolah pondok? Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Puan Fuziah binti Salleh:** Terima kasih. Ini berkenaan dengan dana lagi, kan? Berkenaan dengan dana. Seperti yang saya jelaskan tadi, ia ada dua kategori.

## ■1520

Satu kategori swasta, satu lagi kategori ia di bawah kerajaan. Apabila ia di bawah swasta, dia hendak bina sekolah pondok itu, dia tidak beritahu kerajaan. Dia tidak beritahu kerajaan. Jadi, tidak daftar pun. Kadang-kadang dia sudah beroperasi bertahun-tahun, kerajaan tidak sedar pun kewujudannya di situ. Jadi, kalau hendak memberi geran, memang ada peruntukan dari Kerajaan Persekutuan.

Baru-baru ini ada geran sebanyak RM50 juta untuk sekolah agama, sekolah agama swasta dan ada RM25 juta untuk sekolah tahfiz dan sekolah pondok. Ada peruntukan daripada kerajaan tetapi yang memohon itu banyak dan

kita pastikan bahawa yang memohon itu berdaftar. Kalau dia tidak berdaftar maksudnya, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *our children are at risks* kalau terbakar, kalau berlaku perkara yang kita tidak ingini.

Jadi, di sifalah geran kita. Geran kita untuk membantu mereka berdaftar apabila mereka datang kepada kita. Bukan apabila mereka menubuhkan. Sebab mereka menubuhkan itu sendiri-sendiri dan kita tidak dapat hendak *check* setiap masa. Sebab dia memang tumbuh memang begitu pesat sekali macam cendawan, seperti saya katakan tadi. Akan tetapi apabila mereka datang kepada kita, kita akan pastikan mereka mendaftar, kita akan bantu mereka untuk mendaftar.

Kemudian, geran itu boleh juga daripada Persekutuan tadi dan juga boleh juga daripada- ada geran per kapita tadi dan juga daripada kerajaan negeri. Jadi daripada MAIWP, macam contohnya di Wilayah Persekutuan, daripada MAIWP, MAIWP juga beri bantuan kepada sekolah-sekolah tahfiz ini. Jadi, itu perkara-perkara yang ditanyakan.

Ada juga tadi berkenaan dengan sekolah KAFA. Yang Berhormat Senator Puan Nuridah binti Mohd Salleh bertanya berkenaan dengan sekolah KAFA dan premis sekolah KAFA. Pada hari ini, kerajaan telah pun menyiapkan kajian berkenaan dengan KAFA ini dan antara kajian yang kita lakukan ialah untuk menyerapkan guru-guru KAFA ke dalam skim perjawatan. Ini kerana lebih 30 tahun tidak ada apa dilakukan berkenaan sekolah KAFA ini.

Memang cadangan di masa hadapan ialah supaya premis yang digunakan oleh sekolah KAFA ini ialah premis sekolah-sekolah satu sesi. Sekolah rendah satu sesi. Ini kerana apabila satu sesi, mereka boleh buat sekolah KAFA, kelas KAFA. Sebab sekarang ini, Yang Berhormat, sekolah KAFA ini ada yang daif kerana keadaan KAFA ini macam ini.

Milik premis itu ditentukan oleh jawatankuasa KAFA. Jawatankuasa KAFA itu boleh jadi kadang-kadang penduduk setempat ataupun ibu bapa ataupun jawatankuasa masjid. Mereka merupakan jawatankuasa penaja. Mereka menubuhkan KAFA, mereka memohon untuk menubuhkan KAFA daripada jabatan agama Islam negeri. Apabila telah mendapat kelulusan daripada jabatan agama Islam negeri, mereka mengenal pasti premis yang hendak digunakan. Mereka mencari jabatan agama Islam negeri membantu mereka meluluskan dan memohon daripada JAKIM untuk membayar elauan guru-guru KAFA.

Itu yang telah berlaku selama 30 tahun. Lebih 32,000 KAFA wujud, 32,700 seingat saya guru KAFA di seluruh negara. Akan tetapi, ada premis menggunakan masjid, ada premis menggunakan balai raya, ada premis menggunakan sekolah

kebangsaan. Sekolah kebangsaan seingat saya ada lebih 2,266 premis sekolah kebangsaan yang digunakan. Ada juga sekolah jenis kebangsaan Cina juga digunakan sebagai premis sekolah KAFA, ada. Sebab guru-guru di sekolah itu, Guru Besarnya amat ambil berat berkenaan dengan murid Islam di sekolah jenis kebangsaan Cina itu dan mewujudkan kelas KAFA di sekolah jenis kebangsaan Cina itu.

Jadi di masa hadapan, kita mahukan kerjasama. Kita sudah pun mendapat secara lisan dan kita akan menandatangani dengan KPM untuk menggunakan premis sekolah dalam model KAFA baharu ke hadapan. Supaya dengan itu, dapat kita mempunyai *facilities* yang lebih baik, *insya-Allah*, Yang Berhormat, itu kita usahakan. Memang kita hendak macam itu.

Juga, daripada tiga hari, empat hari, kita akan jadikan lima hari apabila guru-guru ini diserapkan di dalam perjawatan. Taskforce KAFA baru habis. Kita dalam rangka menyiapkan kertas Kabinet. Doakan kita dapat meluluskan isu perjawatan guru KAFA ini kerana ia melibatkan jumlah bajet yang amat besar. Ini kerana kita akan ambil *cohort by cohort*. *Cohort* yang pertama 5,000 orang, *cohort* yang kedua lagi 5,000 orang dan sehingga habis kepada semua yang terlibat. Kita membuat keputusan bahawa *cut-off point* kita ialah diploma, bukan ijazah. Ini kerana kita yakin tahap pendidikan diploma yang bersesuaian mencukupi untuk kelayakan guru-guru KAFA.

Berkenaan dengan bilangan sekolah tadi, ada lagi satu. Yang Berhormat Senator Puan Nuridah binti Mohd Salleh bertanya berkenaan dengan sekolah menengah agama di Wilayah Persekutuan.

Buat makluman Ahli Yang Berhormat, MAIWP mempunyai dua sekolah menengah agama. Ada dua...

**Puan Nuridah binti Mohd Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, maaf, yang itu saya memang tersilap. Sekarang ini ada tiga kan daripada MAIWP? Bukan dua, tiga kot. Saya dapat...

**Puan Fuziah binti Salleh:** Ada nota yang saya ada ini, ada satu Sekolah Menengah Agama Sains Tahfiz.

**Puan Nuridah binti Mohd Salleh:** Akan tetapi memang perlukan tambahanlah sebenarnya pun. Okey. Terima kasih.

**Puan Fuziah binti Salleh:** Makluman kita terima saranan tersebut berkenaan dengan keperluan lebih sekolah menengah agama itu. Jadi, Yang Berhormat, seperti yang saya katakan tadi, dia boleh bawah negeri, dia boleh bawah Persekutuan dan dia boleh juga swasta. Jadi dia ada tiga kategori tadi- di

bawah negeri, di bawah Persekutuan dan juga di bawah swasta. Yang ini inisiatif di bawah MAIWP.

Saya kira itulah semuanya yang telah dibangkitkan tadi, yang telah dibangkitkan oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berbahas. Saya ucapan terima kasih di atas input-input yang telah diberikan oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat.

Ia amat bermakna bagi kami yang sedang berusaha membuat sesuatu untuk kebaikan anak-anak kita bersama. Kita mahukan mereka cemerlang. Kita mahukan mereka ada *added value*, dengan izin, tambah nilai di mana sahaja mereka berada nanti dan tentu sekali seperti yang kita katakan di awal tadi bahawa para-para hafiz ini ada tambah nilai mereka di mana sahaja mereka berada. Disiplin yang mereka lalui dalam mereka menjadi seorang hafiz itu menjadi bekalan kepada mereka untuk menjadi seorang insan yang cemerlang, *insya-Allah*, di dunia dan di akhirat.

Jadi dengan itu saya ucapan terima kasih kepada semua. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, selamat berbuka puasa. Sementara hari ini, sekiranya kita meluluskan rang udang-undang ini, ini merupakan hadiah kepada saya yang membawa ke Dewan Rakyat, Dewan Negara sempena satu tahun Kerajaan Pakatan Harapan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Waalaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Yang Berhormat Puan Fuziah binti Salleh, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya bahawa rang udang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

***[Fasal-fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang udang-undang]***

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy) dan diluluskan]

■1530

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Kepada kita punya Menteri sampai akhir dia bersama kita termasuk juga Menteri daripada Jabatan Perdana Menteri tunggu kita. Saya ucapkan terima kasih ya.

Kepada Tuan-tuan, Ahli Yang Berhormat yang nampak gigih dan nampak masih bertenaga, walaupun bulan puasa ya. Jadi, kita tulis kerana tinta emas, jasa perjuangan anda sekalian sanggup tunggu akhirnya.

Sepanjang Persidangan Dewan Negara yang berlangsung selama 11 hari telah menampakkan kebebasan dan kematangan Ahli Dewan Negara semua dalam mengupas isu-isu yang berkaitan dan berkepentingan pada rakyat. Malahan, kita telah membuktikan potensi sebenar Dewan Negara dengan apa yang telah diusahakan oleh Ahli Dewan dalam memperjuangkan hak dan masalah rakyat, menjelaskan pegangan kukuh terhadap Perlembagaan Persekutuan.

Saya dengan besar hati ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Dewan Negara, Menteri-Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Dewan Negara dan pegawai serta kakitangan Parlimen, pegawai-pegawai kerajaan yang berusaha bertungkus-lumus menjayakan Persidangan Dewan Negara pada kali ini.

Sesungguhnya walaupun, maka- daripada kita berbeza pendapat dan fahaman tetapi yang penting di Dewan yang Mulia ini kita berjaya mencapai kemauafakan untuk kepentingan rakyat. Sikap disiplin dan profesional yang ditunjukkan menampakkan kualiti Persidangan Dewan Negara bahawa ahlinya sangat baik.

*Masa berlalu sangatlah cepat;  
Terasa Syawal semakin dekat;  
Walau kita berbeza pendapat;  
Demi rakyat kita muafakat... [Tepuk]*

*Ilmu pengetahuan mesti dikaji;  
Budi pekerti mesti di hati;  
Hidup baharulah akan dipuji;  
Dunia akhirat senanglah hati... [Tepuk]*

Saya mengambil kesempatan ini mendoakan kesejahteraan kepada semua Ahli Dewan Negara agar dirahmati dalam menjalani ibadat berpuasa di bulan Ramadhan yang penuh berakah. Ini bagi beragama Islam, saya berharap persiapan menyambut ketibaan Syawal nanti lebih meriah untuk tahun ini, dan disambut dengan secara *wasatiyyah*, kesederhanaan tanpa melupakan semangat kekitaan yang mana semua perayaan disambut secara bersama-sama dan hormat-menghormati di antara satu sama lain.

Akhir sekali, Ahli Yang Berhormat dan seluruh Ahli Dewan Negara yang akan kembali ke kampung halaman masing-masing, saya doakan agar selamat sampai ke pangkuhan keluarga tercinta.

*Asal batu menjadi intan;  
Intan berkilat mahal harganya;  
Sesal dahulu sesal pendapatan;  
Sesal kemudian apa gunanya... [Tepuk]*

Pandulah sebaik mungkin. Saya ingin memohon maaf sekiranya ada salah dan silap sepanjang saya mempengaruhi persidangan pada kali ini- maaf dipinta.

*Kisah di cerita dengan pantun;  
Penuh teladan berisi padat;  
Salah bermadah tidak bersantun;  
Maaf dipinta orang beradat... [Tepuk]*

Dengan itu saya tangguhkan dewan ini sehingga ke satu tarikh yang tidak ditetapkan. Sekian. *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**[Dewan tamat pada pukul 3.36 petang]**